



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 15

16hb Julai 2020

TAMBAHAN
No. 1

No. 1182.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih Atau Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Ipoh dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Ipoh untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang

- mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Ipoh.
 - (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
 - (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
 - (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Bandaraya Ipoh telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

IPOH
Bertarikh 8 November 2019

MOHD FISUL BIN ISMAIL
*b.p Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATAAN DATUK BANDAR IPOH DAN AHLI MAJLIS

Kami DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM, D.P.M.S., A.M.S. dan ENCIK AHMAD KHAIR FAIZAL BIN YAHAYA, yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi MAJLIS BANDARAYA IPOH, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh, Perak pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
D.P.M.S., A.M.S.
Datuk Bandar Ipoh

Bertarikh 12 Julai 2019

Bagi pihak Majlis,

ENCIK AHMAD KHAIR FAIZAL
BIN YAHAYA
Ahli Majlis

Bertarikh 12 Julai 2019

AKUAN BERKANUN

Saya, MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN, AMP., Pengarah Perbendaharaan Bandaraya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan MAJLIS BANDARAYA IPOH, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Ipoh, Perak
pada 12 Julai 2019

Di hadapan saya,

S. LETCHUMI DEVI
33 Jalan Dato' Maharajalela
30000 Ipoh, Perak

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	2018	Dinyatakan Semula 2017
	RM	RM
ASET		
Aset Semasa		
Tunai dan Kesetaraan Tunai (Nota 5)	5,133,766	3,716,462
Akaun Belum Terima- Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 6)	48,965,636	52,822,898
Akaun Belum Terima- Urus Niaga Pertukaran (Nota 6)	7,766,707	9,781,404
Inventori (Nota 7)	1,282,082	1,921,422
Pelaburan Simpanan Tetap (Nota 8)	138,050,000	107,000,000
Pinjaman Kakitangan (Nota 9)	894,905	878,025
Pelbagai Akaun Belum Terima (Nota 10)	2,517,340	2,526,902
Jumlah Aset Semasa	204,610,436	178,647,113
Aset Bukan Semasa		
Pinjaman Kakitangan (Nota 9)	2,302,482	2,043,480
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 11)	183,367,894	69,547,194
Hartanah Pelaburan (Nota 12)	220,730,733	222,599,268
Aset Tak Ketara (Nota 13)	1,379,846	1,126,747
Aset Biologi (Nota 14)	71,390	87,973
Jumlah Aset Bukan Semasa	407,852,345	295,404,662
JUMLAH ASET	612,462,781	474,051,775
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar-Urus Niaga Pertukaran (Nota 15)	14,080,481	14,455,516
Geran Tertunda (Nota 16)	110,657,429	6,298,054
Pinjaman (Nota 17)	1,710,543	1,142,812
Peruntukan (Nota 18)	5,973,875	2,935,582
Terimaan Terdahulu (Nota 19)	19,546,288	27,170,884
Deposit (Nota 20)	18,149,857	18,081,880
Jumlah Liabiliti Semasa	170,118,473	70,084,728
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman (Nota 17)	33,282,173	27,407,872
Peruntukan (Nota 18)	4,564,348	4,422,637
Akaun Amanah Awam (Nota 21)	17,365,785	13,759,571
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	55,212,306	45,590,080
JUMLAH LIABILITI	225,330,779	115,674,808
Aset Bersih	387,132,002	358,376,967
ASET BERSIH/EKUITI		
Rezab Modal (Nota 22)	86,231,623	83,954,657
Kumpulan Wang	300,900,379	274,422,310
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI	387,132,002	358,376,967

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
HASIL		
Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 23)	180,203,495	188,654,098
Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (Nota 24)	37,748,484	39,714,795
Terimaan Bukan Hasil (Nota 25)	16,557,408	15,493,854
JUMLAH HASIL	234,509,387	243,862,747
BELANJA		
Emolumen (Nota 26)	101,475,454	102,931,080
Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 27)	74,134,119	71,934,006
Aset (Nota 28)	880,689	899,861
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Nota 29)	2,677,258	2,246,112
Susut Nilai (Nota 30)	15,568,808	12,346,365
Pembangunan (Nota 31)	2,371,174	2,960,857
Perbelanjaan-perbelanjaan lain (Nota 32)	12,235,289	4,901,989
JUMLAH BELANJA	209,342,791	198,220,270
LEBIHAN BAGI TAHUN	25,166,596	45,642,477

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH ATAU EKUITI PADA 31 DISEMBER 2018

	Rezab Modal	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan Harta Modal	Lebihan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki seperti pada 1-1-2017	81,918,815	3,001,600	300,000	8,328,346	212,357,029	305,905,790
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti bagi 2017:						
Pindahan Mengikut Bajet Diluluskan	—	500,000	—	2,500,000	(3,000,000)	—
Pindahan Perbelanjaan Modal	2,269,523	—	—	(2,269,523)	—	—
Pindahan Perbelanjaan Lain	—	—	—	(488,636)	488,636	—
Pindahan Lain	—	—	—	(2,193,295)	—	(2,193,295)
Rezab Modal Direalisasikan	(233,681)	—	—	—	—	(233,681)
Lebihan Bagi Tahun	—	—	—	—	45,642,477	45,642,477
Baki seperti pada 31-12-2017	83,954,657	3,501,600	300,000	5,876,892	255,488,142	349,121,291
Kesan Pemakaian MPSAS	—	—	—	—	9,255,676	9,255,676
Baki seperti pada 31-12-2017 (Dinyatakan Semula)	83,954,657	3,501,600	300,000	5,876,892	264,743,818	358,376,967
Perubahan Aset Bersih/Ekuiti bagi 2018:						
Pindahan Mengikut Bajet Diluluskan	—	500,000	—	2,500,000	(3,000,000)	—
Pindahan Perbelanjaan Modal	2,276,966	—	—	(1,902,278)	—	374,688
Pindahan Perbelanjaan Lain	—	—	—	(72,989)	72,989	—
Pindahan Lain	—	—	—	3,213,751	—	3,213,751
Lebihan Bagi Tahun	—	—	—	—	25,166,596	25,166,596
Baki seperti pada 31-12-2018	86,231,623	4,001,600	300,000	9,615,376	286,983,403	387,132,002

Nota 22

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI PADA 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Lebih Bagi Tahun	25,166,596	45,642,477
Pelarasan bagi:		
Susut Nilai	15,568,808	12,346,365
Aset Bernilai Rendah dari Geran Direalisasikan	602,792	620,438
Kerugian/(Keuntungan) dari Hapuskira Aset	11,760	(36,793)
Keuntungan dari Pelupusan Aset	—	(126,849)
Keuntungan dari Projek Penswastaaan	—	(8,327,664)
Keuntungan dari Geran Direalisasi	(11,571,757)	(24,681,790)
Keuntungan Faedah dari Nilai Saksama Pinjaman diiktiraf	(1,328,635)	(1,157,444)
Pendapatan Faedah	(6,241,806)	(4,920,042)
Perbelanjaan Faedah	1,348,687	763,231
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi sebelum perubahan modal kerja:	23,556,445	20,121,929
Kurangan/(Kenaikan) dalam Akaun Belum Terima	4,999,403	(9,357,104)
Kenaikan dalam Peruntukan Hutang Ragu	1,314,798	250,682
Kenaikan dalam Pelbagai Akaun Belum Terima	(858,809)	—
Kurangan dalam Inventori	639,340	—
Kenaikan dalam Pinjaman Kakitangan	(275,882)	(469,182)
Kurangan dalam Akaun Belum Bayar	(1,224,755)	(2,200,737)
Kenaikan dalam Peruntukan	3,180,004	2,880,497
(Kurangan)/Kenaikan dalam Terimaan Terdahulu	(7,624,596)	1,942,992
Kenaikan dalam Deposit	67,977	1,177,688
Kurangan dalam Akaun/Kumpulan Wang Amanah	4,917,687	1,596,414
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	28,691,612	15,943,179
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Tambahan Aset Dalam Pembinaan	(150,000)	—
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota A)	(1,922,668)	(2,299,132)
Pembelian Hartanah Pelaburan (Nota B)	(345,092)	(1,183,340)
Pembelian Aset Tak Ketara	(253,099)	(97,230)
Hasil Jualan Aset	—	127,245
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(2,670,859)	(3,452,457)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan		
Faedah Diterima	5,799,564	4,411,371
Faedah Dibayar	(785,344)	(755,402)
Pinjaman Sewa Beli	2,886,907	(460,336)
Pinjaman Kerajaan Negeri	(1,454,576)	(1,610,436)
Aliran Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	6,446,551	1,585,197
TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	32,467,304	14,075,919
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	110,716,462	96,640,543
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (Nota C)	143,183,766	110,716,462

NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI:

NOTA A: PEMBELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	2018	2017
	RM	RM
Jumlah Tambahan Hartanah, Loji dan Peralatan	118,128,067	8,068,267
Tolak:		
(a) Perolehan melalui Geran Kerajaan	(108,545,280)	(3,725,728)
(b) Perolehan melalui Pinjaman	(2,561,242)	(394,343)
(c) Pindahan dari Hartanah Pelaburan	—	(1,649,064)
(d) Pindahan dari Bayaran Terdahulu	(868,372)	—
(e) Pindahan dari Pemiutang	(818,405)	—
(f) Pindahan dari Rezab Modal	(1,721,890)	—
(g) Pindahan dari Aset Dalam Pembinaan	(1,690,210)	—
Pembelian Secara Tunai	<u>1,922,668</u>	<u>2,299,132</u>

NOTA B: PEMBELIAN HARTANAH PELABURAN

Jumlah Tambahan Hartanah Pelaburan	3,828,504	44,250,740
Tolak:		
(a) Hartanah diperolehi melalui Projek Penswastaaan	—	(8,327,664)
(b) Perolehan melalui Geran Direalisasikan	(2,058,004)	(14,567,239)
(c) Perolehan melalui Pinjaman	—	(7,504,529)
(d) Perolehan melalui Terimaan Terdahulu	—	(12,000,000)
(e) Perolehan melalui Pemiutang	—	—
(f) Pindahan ke Hartanah Loji dan Peralatan dan Aset Alih Bernilai Rendah	(31,315)	(2,908,759)
(g) Pindahan dari Aset Dalam Pembinaan	(1,394,093)	—
Pembelian Secara Tunai	<u>345,092</u>	<u>1,183,340</u>

NOTA C: TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti berikut

	2018	2017
	RM	RM
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5,133,766	3,716,462
Pelaburan Simpanan Tetap	138,050,000	107,000,000
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	<u>143,183,766</u>	<u>110,716,462</u>

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	BAJET ASAL RM	BAJET AKHIR RM	PRESTASI SEBENAR RM	^VARIAN BAJET RM
Terimaan Hasil				
Cukai Langsung	140,851,000	140,851,000	135,320,054	(5,530,946)
Lesen, Pendaftaran dan Permit	8,203,000	8,203,000	8,149,545	(53,455)
Terimaan Perkhidmatan	19,808,000	19,808,000	20,865,398	1,057,398
Perolehan dari Jualan Barang	1,395,000	1,395,000	273,527	(1,121,473)
Sewaan	5,628,000	5,628,000	5,928,784	300,784
Faedah dan Perolehan Pelaburan	4,165,000	4,165,000	6,237,132	2,072,132
Penalti dan Hukuman	8,933,000	8,933,000	11,540,898	2,607,898
Pulang Balik Perbelanjaan	11,617,000	11,617,000	16,831,023	5,214,023
Terimaan dari Agensi Kerajaan	5,000,000	5,000,000	14,078,095	9,078,095
Jumlah Terimaan Hasil	205,600,000	205,600,000	219,224,456	13,624,456
Belanja Mengurus				
Emolumen	106,603,000	101,951,890	98,318,388	3,633,502
Perkhidmatan dan Bekalan	79,089,000	78,743,290	72,044,650	6,698,640
Aset	1,924,000	2,009,800	1,559,345	450,455
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	9,003,000	6,916,150	6,820,767	95,383
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	3,981,000	10,978,870	3,918,161	7,060,709
Jumlah Belanja Mengurus	200,600,000	200,600,000	182,661,311	17,938,689
Jumlah Belanja Pembangunan	5,000,000	5,000,000	3,254,202	1,745,798
Lebihan bagi tahun	—	—	33,308,943	33,308,943

Nota 38

^Merujuk kepada Varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Prestasi Sebenar dan penjelasan varian adalah seperti yang dinyatakan pada Nota 38 kepada Penyata Kewangan ini.

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DESEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

1.1 KEGIATAN UTAMA MAJLIS

Majlis Bandaraya Ipoh merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan pada 27 Mei 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan Bandaraya Ipoh yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 643 km persegi dan kawasan operasi seluas 388 km persegi. Kegiatan Utama Majlis Bandaraya Ipoh termasuk perancangan dan kawalan pembangunan, menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kemudahan awam/asas, pengurusan lalu lintas serta pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan.

Majlis juga mengenakan Cukai Taksiran terhadap pemilik-pemilik harta pegangan yang berada di dalam kawasan Majlis, mengenakan kompaun, notis dan denda bagi tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan mengikut Akta 171, mengenakan sewa ke atas sewaan aset-aset Majlis serta mengeluarkan lesen-lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian bagi persembahan Penyata Kewangan Majlis dan dibundarkan kepada Ringgit terhampir. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 12 Julai 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN

2.1 PENYATA PEMATUHAN

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan. Penyata Kewangan ini merupakan penyata kewangan peralihan MPSAS. MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan untuk entiti mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Dalam tempoh peralihan kepada MPSAS, Majlis telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan bagi pengiktirafan Aset Infrastruktur. Majlis memiliki aset infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, perabot jalan dan perabot taman. Di dalam tahun kewangan sebelumnya, aset-aset ini telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Majlis berhasrat untuk melaksanakan pengiktirafan dan pengukuran Aset Infrastruktur mengikut MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh pemakaian MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu) disebabkan Majlis masih dalam proses menyelenggara maklumat bagi tujuan pengiktirafan tersebut.

2.2 ASAS PENGUKURAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3 kepada penyata kewangan ini.

2.3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ianya didedahkan di dalam Nota 4 kepada Penyata Kewangan.

3. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Dasar Perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 HASIL DARIPADA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf

sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti (jika ada) yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran & Caruman Bantuan Kadar

Cukai Taksiran & Caruman Bantuan Kadar adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai. Manakala, Caruman Bantuan Kadar diiktiraf sebagai hasil apabila bil dikeluarkan pada agensi terlibat dalam tahun kewangan semasa.

(ii) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ianya diterima oleh Majlis. Manakala, bagi Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan direalisasikan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(iii) Lesen, Pendaftaran dan Permit

Hasil bagi Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila bayaran diterima atas kelulusan atau kebenaran oleh Majlis kepada individu, perbadanan, perniagaan dan lain-lain perusahaan untuk tujuan peraturan dan kawalan.

(iv) Denda dan Hukuman

Hasil bagi Denda dan Hukuman seperti kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan diiktiraf apabila bayaran tersebut diterima kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman kecuali bagi denda cukai taksiran seperti Notis E dan Waran F yang diiktiraf mengikut asas akruan.

3.2 HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN

Hasil Urus Niaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Hasil daripada pembekalan barangan kepada pihak ketiga adalah diukur pada pertimbangan Nilai Saksama yang diterima. Hasil ini diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli dengan merujuk kepada tahap penyempurnaan urus niaga.

(ii) Sewaan

Hasil Sewaan dikenakan ke atas sewaan premis-premis Majlis mengikut syarat dan terma penyewaan. Hasil ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan pada nilai sewaan yang dikontrakkan sepanjang tempoh perjanjian sewaan.

(iii) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Hasil daripada pembekalan perkhidmatan kepada pihak ketiga adalah diukur pada pertimbangan Nilai Saksama yang diterima. Hasil ini diiktiraf apabila bayaran tersebut diterima daripada penerima perkhidmatan kecuali Bayaran Sampah, Bayaran Semak Samun, Bayaran Letak Kereta Bertingkat, Bil Air dan Elektrik Premis/Gerai yang diiktiraf mengikut asas akruan.

(iv) Hasil Faedah

Hasil ini terdiri daripada Hasil Keuntungan Pelaburan dengan mengambil kira kadar pulangan efektif yang ditawarkan oleh pihak bank semasa sesuatu pelaburan dibuat. Hasil ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan secara purata mengikut perkadaran tempoh pelaburan yang melibatkan tahun kewangan semasa.

(v) Lain-lain terimaan (selain dari yang dinyatakan pada nota 3.2 (i) hingga (iv) di atas diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

3.3 BELANJA

(i) Am

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

(ii) Kos Pinjaman

Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos diiktiraf dalam Lebihan atau Kurangan dalam tempoh ia ditanggung oleh Majlis berhubung dengan dana yang dipinjam, dan diakrukan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaunkan dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat Liabiliti Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Kos Pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Kos Pinjaman diiktiraf dalam Lebihan dan Kurangan dalam tempoh ia ditanggung.

3.4 INVENTORI

Inventori dinyatakan pada kos atau nilai boleh direalisasi bersih (pada mana nilai yang terendah) selepas ditolak kos penyediaan dan pengedaran, jika ada.

Walau bagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas masuk-dulu, keluar-dulu. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Hartanah, Loji dan Peralatan pada awalnya direkod pada kos. Jika sesuatu aset diperolehi tanpa sebarang kos, atau pertimbangan nominal (transaksi bukan pertukaran), aset tersebut diiktiraf awalnya pada Nilai Saksama, sekiranya Nilai Saksama tersebut boleh ditentukan dengan pasti atau Kos Anggaran bagi Nilai Saksama yang tidak dapat ditentukan, dan sebagai Hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset dengan nilai kos berjumlah RM2,000 per unit dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000 per unit) akan dicajkan sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pengukuran Susulan

Selepas pengiktirafan awal, kelas Hartanah, Loji dan Peralatan yang telah dipermodalkan diukur seperti berikut:

(i) Tanah dan Bangunan

Bagi Tanah dan Bangunan, pengukuran susulannya berdasarkan nilai penilaian semula (iaitu nilai saksama pada tarikh penilaian semula dibuat) ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul dari tarikh aset dinilai semula. Apabila menilai semula bangunan, ia perlu dikomponenkan supaya dapat menggambarkan komponen material bagi bangunan. Komponen ini sekurang-kurangnya, merangkumi tiga kumpulan iaitu struktur bangunan, perkhidmatan bangunan dan kelengkapan.

(ii) Loji dan Peralatan

Loji dan Peralatan lain, termasuk kenderaan bermotor dan peralatan pejabat, direkod pada nilai kos ditolak dengan susut nilai dan kerugian penjejasan terkumpul dari tarikh aset diperolehi.

Penilaian Semula

Penilaian Semula dilakukan bagi kelas tertentu Hartanah, Loji dan Peralatan untuk menggambarkan potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi yang diperolehi melalui kawalan atas aset tersebut. Penilaian Semula adalah berdasarkan Nilai Saksama Aset, dengan perubahan dilaporkan mengikut kelas aset.

Penilaian Semula terhadap Tanah dan Bangunan Majlis dibuat pada setiap 5 tahun. Penilaian Semula yang terakhir telah dibuat oleh Jurunilai Bebas Diiktiraf, Intra Harta Consultants Sdn. Bhd. pada tahun 2015 dan tarikh efektif penilaian tersebut adalah pada 31 Disember 2015.

Item Hartanah dinilai semula kepada Nilai Saksama untuk kegunaan tertinggi dan terbaik item tersebut berdasarkan nilai pasaran item, atau bukti pasaran seperti pengiraan aliran tunai terdiskaun. Jika tiada bukti pasaran bagi Nilai Saksama wujud, Pendekatan Kos Penggantian Disusut Nilai digunakan sebagai proksi yang terbaik untuk Nilai Saksama. Apabila sesuatu hartanah direkodkan pada Kos Penggantian Disusut Nilai, kos ini adalah berdasarkan kos pembinaan semasa bagi item hartanah yang sedia ada dengan kaedah yang paling bersesuaian bagi pembinaan, ditolak dengan peruntukan kemerosotan fizikal dan keusangan serta lebihan kapasiti yang relevan. Item yang menggunakan pendekatan ini tidak mengambil kira apa-apa Kos Pinjaman.

Keuntungan Penilaian Semula bagi sesuatu kelas aset menimbal balik setakat mana Kerugian Penilaian Semula yang sebelum ini dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dengan Keuntungan Penilaian Semula dikreditkan kepada Penyata Prestasi Kewangan. Jika tidak, Keuntungan Penilaian Semula dikreditkan ke Rezab Penilaian Semula bagi kelas aset tersebut.

Setakat mana terdapat baki dalam Rezab Penilaian Semula bagi kelas aset tersebut, sebarang Kerugian Penilaian Semula didebitkan ke dalam Rezab Penilaian Semula. Jika tidak, Kerugian Penilaian Semula dilaporkan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pelupusan

Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku. Sebarang baki dalam Rezab Penilaian Semula yang berkaitan langsung dengan aset yang dilupuskan dipindahkan kepada Lebihan atau Kurangan Terkumpul.

Susut Nilai

Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus pada kadar yang dikira untuk memperuntukkan kos atau penilaian semula sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan, ditolak sebarang anggaran Nilai Sisa, disepanjang anggaran baki usia guna aset tersebut.

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilaikan secara berasingan.

Anggaran usia penggunaan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan	Sepanjang Tempoh Pajakan
Bangunan	10 hingga 50 tahun
Kenderaan dan Jentera	4 hingga 15 tahun
Peralatan	5 tahun

Tanah Milik Bebas dan Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilaikan tetapi tertakluk kepada semakan penjejasan nilai sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset tersebut mungkin akan terjejas.

Bagi bangunan yang dinilaian semula, tempoh jangka hayat bagi harta ini dianggarkan selama 27 tahun atau 3.7% setahun untuk yang dibina sebelum tahun 1993. Sementara yang dibina di antara tahun 1993 hingga 2000 tempoh jangka hayat adalah dianggarkan selama 35 tahun atau 2.86% setahun. Manakala yang dibina di antara tahun 2001 hingga 2005 tempoh dianggarkan selama 40 tahun atau 2.5% setahun. Bangunan yang dibina di antara tahun 2006 hingga 2011 adalah dianggarkan 45 tahun atau 2.22% setahun. Seterusnya bangunan yang dibina selepas tahun 2012 adalah dianggarkan 50 tahun atau 2.0% setahun.

Pada setiap tarikh akhir pelaporan tahunan, nilai sisa dan usia guna aset akan dikaji semula kemunasabahannya. Sebarang perubahan dalam anggaran aset, sekiranya ada akan diselaraskan secara prospektif atas baki usia guna aset tersebut, bermula pada tahun kewangan semasa.

3.6 HARTANAH PELABURAN

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang terutamanya untuk memperoleh sewa atau untuk meningkatkan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang terutamanya untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa atau nilai hartanah tersebut meningkat, hartanah tersebut dilaporkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan.

Hartanah Pelaburan awalnya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama bagi Urus Niaga Bukan Pertukaran) dan berikutnya diukur pada nilai saksama (iaitu nilai saksama pada tarikh penilaian semula dibuat) ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul dari tarikh aset dinilai semula.

3.7 ASET DALAM PEMBINAAN

Aset Dalam Pembinaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Aset Dalam Pembinaan diiktiraf pada nilai kos ditolak kerugian penjejasan nilai. Tiada susut nilai yang diperuntukkan. Aset Dalam Pembinaan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan dan disusut nilaikan apabila ianya siap dan sedia untuk digunakan.

3.8 ASET TAK KETARA

Aset Tak Ketara pada awalnya direkodkan pada kos.

Kos Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman terdiri daripada belanja yang ditanggung dalam fasa pembangunan aset tersebut. Fasa Pembangunan bermula apabila kebolehlaksanaan teknikal; keupayaan untuk menyiapkan Aset tersebut; hasrat dan keupayaan untuk menjual atau menggunakan Aset tersebut dapat didemonstrasikan; serta perbelanjaan pembangunan boleh diukur dengan pasti. Perbelanjaan yang ditanggung dalam fasa penyelidikan Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman dibelanjakan apabila ia ditanggung. Jika fasa penyelidikan tidak dapat dibezakan daripada fasa pembangunan, perbelanjaan tersebut dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Dapat Ditentukan berikutnya dinyatakan pada kos

ditolak dengan sebarang Pelunasan dan Kerugian Penjejasan. Pelunasan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan secara garis lurus sepanjang Usia Guna Aset. Usia Guna Aset dan Kaedah Pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Dapat Ditentukan dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Jika Amaun Boleh Pulih Aset Tak Ketara tersebut adalah kurang daripada Amaun Bawaan, ia dilaporkan pada Amaun Boleh Pulih dan Kerugian Penjejasan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan tidak dilunaskan, tetapi diuji setiap tahun untuk penjejasan. Untung dan Rugi daripada pelupusan Aset Tak Ketara diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga tersebut berlaku.

3.9 ASET BIOLOGI

Aset Biologi terdiri daripada Aset Haiwan dan Tumbuhan. Aset Haiwan pada awalnya diiktiraf pada nilai kos dan diukur susulannya selaras dengan dasar untuk Hartanah, Loji dan Peralatan. Manakala bagi Aset Tumbuhan, ianya diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan (apabila transaksi berlaku).

3.10 PERUNTUKAN DAN LIABILITI LAIN

Peruntukan dan Liabiliti lain direkodkan pada anggaran terbaik belanja yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu obligasi. Peruntukan dan Liabiliti yang diselesaikan melangkaui dua belas bulan direkodkan pada Nilai Kini Anggaran Aliran Keluar Tunai Masa Hadapan.

3.11 LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dilaporkan apabila kontigensi tersebut adalah jelas. Liabiliti Luar Jangka dinyatakan jika kemungkinan kontigensi tersebut terjadi tidak terpecil. Aset Luar Jangka didedahkan jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat akan diperolehi.

3.12 INSTRUMEN KEWANGAN

Pengiktirafan dan Pengukuran Susulan Aset dan Liabiliti Kewangan

Majlis mengiktiraf sesuatu Aset Kewangan atau Liabiliti Kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada sesuatu peruntukan kontrak instrumen.

(i) Aset Kewangan

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga jika aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan. Bagi Aset Kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, kos urus niaga akan dibelanjakan kepada lebihan atau kurangan apabila ia berlaku.

Bagi pengukuran susulan, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat (4) kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Majlis mempunyai 2 kategori aset kewangan seperti berikut:

(a) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Pinjaman dan Akaun Belum Terima yang dikeluarkan dengan tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominal, kecuali jika kesan pendiskaunan adalah material.

Disamping itu, perbezaan antara Hasil Pinjaman dengan Nilai Saksama (berdasarkan syarat pasaran) adalah diandaikan Belanja dalam Lebihan atau Kurangan pada pengiktirafan awal.

Majlis membuat peruntukan hutang ragu secara keseluruhan bagi akaun belum terima yang tertunggak melebihi 6 tahun atau apabila terdapat bukti objektif bahawa sesuatu akaun belum terima terjejas.

(b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset Kewangan diklasifikasikan sebagai Pelaburan Dipegang Hingga Matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sesuatu pelaburan sehingga tarikh matang. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan dan ditolak penjejasan nilai.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

(ii) Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf pada awalnya dengan Nilai Saksama ditolak dengan kos urus niaga dan susulannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan. Liabiliti Kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominalnya. Pelunasan diiktiraf sebagai untung atau rugi apabila liabiliti tersebut dinyahiktiraf. Majlis mempunyai 3 kategori Liabiliti Kewangan iaitu Pinjaman, Deposit dan Akaun Belum Bayar.

Penyahiktirafan Aset dan Liabiliti Kewangan

Aset Kewangan atau sebahagiannya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan jumlah ganjaran yang diterima diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan. Manakala, bagi Liabiliti Kewangan, ianya dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

3.13 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Tunai di Tangan, Tunai di Bank, Pelaburan Jangka Pendek dan Wang Tunai dalam Transit yang amat mudah cair yang boleh ditukarkan kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.14 PAJAKAN

Pajakan Kewangan memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan Aset yang dipajak kepada Majlis sebagai penerima pajak. Pengiktirafan awal untuk Pajak Kewangan dengan mengiktiraf aset dan liabiliti pada amaun terendah antara Nilai Saksama Aset yang dipajak dengan Nilai Kini Bayaran Pajak Minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan tersebut.

Pajakan Operasi mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan pemberi pajak. Ianya diiktiraf secara sistematik sebagai belanja sepanjang tempoh pajakan.

3.15 PENJEJASAN NILAI

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Majlis mengkaji semula nilai bawaan bagi aset-aset yang direkodkan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai.

(i) Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf apabila Amaun Boleh Pulih Aset adalah kurang daripada Amaun Bawaan Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Amaun Boleh Pulih bagi Aset Menjana Tunai ditentukan dengan membandingkan amaun yang lebih tinggi antara amaun jualan (setelah mengambilkira kos untuk menjual aset tersebut) dengan amaun yang akan dijana melalui penggunaan aset tersebut sepanjang usia gunanya.

Manakala, Amaun Boleh Pulih bagi Aset Tidak Menjana Tunai ditentukan melalui Pendekatan Kos Penggantian Disusut nilai. Kerugian Penjejasan dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika aset tersebut direkodkan pada amaun Penilaian Semula iaitu, Kerugian Penjejasan dikurangkan daripada Rizab Penilaian Semula.

(ii) Penjejasan Nilai Aset Kewangan

Peruntukan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan tersebut terjejas seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian penjejasan nilai menurun, amaun peruntukan yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun peruntukan tersebut dan pembalikkan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta.

3.16 MANFAAT PEKERJA

(i) Pelan Caruman Persaraan Ditetapkan

Pelan Caruman Persaraan Ditetapkan ialah Pelan Manfaat Pasca Pekerjaan apabila entiti membayar caruman tetap pada kadar yang ditetapkan kepada entiti berasingan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen serta tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun selanjutnya. Obligasi bagi caruman kepada Pelan Caruman Persaraan Ditetapkan diiktiraf sebagai Belanja Manfaat Pekerja dalam Lebihan atau Kurangan bagi tempoh perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

(ii) Kelayakan Lain Pekerja

Kelayakan pekerja untuk gaji dan upah, cuti tahunan, cuti panjang, cuti bersara dan manfaat lain yang serupa diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila terakru kepada pekerja. Kelayakan pekerja (termasuk Ganjaran bagi Anggota bertaraf kontrak) untuk diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan adalah dilaporkan pada jumlah yang dijangka dibayar. Liabiliti untuk kelayakan pekerja jangka panjang seperti Gantian Cuti Rehat dilaporkan sebagai Nilai Kini Aliran Keluar Tunai Masa Hadapan.

3.17 AKAUN AMANAH AWAM

Akaun Amanah Awam diwujudkan bagi merekodkan terimaan dana, peruntukan, sumbangan dan lain-lain bayaran dari pihak luar termasuk agensi kerajaan dan swasta. Terimaan ini diiktiraf sebagai liabiliti apabila transaksi berlaku. Perbelanjaan modal dan lain-lain perbelanjaan melalui Akaun Amanah Awam akan direalisasikan sebagai pendapatan bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

3.18 KUMPULAN WANG

(i) Kumpulan Wang Pembangunan Harta Modal

Majlis telah mewujudkan Kumpulan Wang Pembangunan Harta Modal untuk membiayai projek pembangunan harta modal termasuk infrastruktur, hartanah, loji dan peralatan dengan membuat suntikan dana dalaman. Perbelanjaan modal akan dipindahkan ke Rezab Modal mengikut jumlah perbelanjaan dan akan direalisasikan ke Lebihan Berkumpul apabila aset berkenaan dilupakan atau dihapuskan. Manakala bagi perbelanjaan lain, pindahan ke Lebihan Berkumpul dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

(ii) Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer

Kumpulan Wang ini bertujuan sebagai tabung untuk memberi pinjaman kepada anggota Majlis bagi tujuan pembelian kenderaan dan komputer. Pinjaman ini diberikan tanpa faedah.

4. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan Majlis membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun Hasil, Belanja, Aset dan Liabiliti, dan pendedahan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka pada akhir tahun kewangan. Walaupun pertimbangan dan anggaran adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Pertimbangan dan anggaran mendasari disemak secara berterusan. Sebarang perbezaan hasil dari semakan kepada pertimbangan dan anggaran diiktiraf dalam tempoh semakan tersebut dibuat dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

4.1 PERTIMBANGAN YANG DIBUAT DALAM MENGGUNAPAKAI DASAR PERAKAUNAN

Dalam proses menggunakan Dasar Perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada Penyata Kewangan, Majlis telah membuat pertimbangan berikut, yang mempunyai kesan signifikan atas amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan.

(i) Pengkelasan Hartanah sebagai Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau kedua-duanya yang diiktiraf sebagai Hartanah Pelaburan. Walau bagaimanapun, terdapat hartanah Majlis yang sebahagiannya digunakan untuk kegunaan sendiri.

Jika bahagian sesuatu hartanah yang dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau peningkatan nilai boleh dijual atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka bahagian hartanah tersebut akan diiktiraf sebagai Hartanah Pelaburan, manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

Selain itu, terdapat hartanah Majlis yang disewakan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan sosial yang membolehkan hartanah tersebut tidak layak dikategorikan sebagai Hartanah Pelaburan di bawah MPSAS 16. Majlis menggunakan pertimbangan bagi menentukan sesuatu hartanah yang disewa tersebut sama ada bertujuan untuk perkhidmatan sosial atau perniagaan.

(ii) Penentuan transaksi bagi aset-aset yang diperolehi melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran

MPSAS 23 mengkehendaki aset-aset yang diterima daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran dinilai pada Nilai Saksama pada tarikh pemerolehan aset tersebut. Dari masa ke semasa, Majlis menerima pindahan/perolehan aset dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelbagai agensi melalui peruntukan-peruntukan pembangunan projek yang diterima.

Terdapat juga aset-aset yang diperolehi oleh Majlis dengan bayaran balasan di bawah nilai pasaran. Majlis membuat pertimbangan dalam menentukan jenis transaksi bagi terimaan aset-aset ini sama ada ianya urus niaga bukan pertukaran atau sebaliknya.

4.2 SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama lain ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material Amaun Bawaan Aset dan Liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya adalah seperti berikut:

(i) Usia Guna Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut Kaedah Garis Lurus sepanjang usia guna sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan. Majlis menganggarkan usia guna Hartanah, Loji dan Peralatan antara 4 hingga 50 tahun. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi impak kepada Usia Guna Ekonomi dan Nilai Sisa Aset dan dengan itu, Kadar Susut Nilai masa hadapan mungkin akan disemak semula.

(ii) Penjejasan Belum Terima

Majlis membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan nilai, Majlis mengambilkira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan signifikan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan, amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri Risiko Kredit yang serupa.

(iii) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

(iv) Pengukuran Nilai Saksama

MPSAS 23 mengkehendaki aset-aset yang diterima daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran diukur pada Nilai Saksama pada tarikh pemerolehan aset tersebut. Nilai Saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

Pengukuran nilai saksama bagi aset yang diterima oleh Majlis melalui urus niaga bukan pertukaran, ianya diukur berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jurunilai yang dilantik oleh Majlis. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai saksama sesuatu aset tidak dapat dikenalpasti, Majlis membuat anggapan Nilai Bawaan (deemed cost) aset-aset yang terlibat pada kos atau apa-apa nilai yang dianggap relevan berdasarkan semakan dan kajian pasaran yang dibuat secara dalaman oleh pegawai-pegawai teknikal Majlis.

4.3 KESAN PEMAKAIAN MPSAS

Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1, penyata kewangan Majlis ini merupakan penyata kewangan peralihan MPSAS. Pelarasan-pelarasan berikut telah dibuat pada tahun semasa secara retrospektif kecuali jika dinyatakan sebaliknya:

(i) Hartanah, Loji dan Peralatan

Dalam tahun semasa, Majlis telah mengiktiraf semula komponen-komponen utama Hartanah, Loji dan Peralatan yang mempunyai usia penggunaan yang berbeza selaras dengan pematuhan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan. Untuk tujuan

tersebut, kos anggapan komponen utama sesuatu aset adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Pegawai Teknikal Majlis dan berikutnya dikelaskan mengikut penetapan usia penggunaan masing-masing. Pengkelasan semula kos/penilaian semula Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut komponen signifikan adalah secara prospektif yang melibatkan pengukuran semula susut nilai bagi tempoh semasa dan pada tahun-tahun berikutnya berdasarkan polisi sedia ada yang digunakan oleh Majlis.

Majlis juga telah membuat semakan semula nilai sisa dan usia guna Hartanah, Loji dan Peralatan selaras dengan pematuhan MPSAS 17. Penetapan nilai sisa dan usia guna bagi aset yang terlibat adalah melalui penilaian Pegawai Teknikal Majlis dan pelarasan baki susut nilai terkumpul aset-aset tersebut dibuat secara retrospektif.

(ii) Inventori

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Inventori bagi Bekalan, Alat Ganti dan Bahan-bahan Lain dicaj sebagai belanja (pada tarikh perolehan) dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pemakaian rangka kerja MPSAS 12 Inventori mengkehendaki item-item tersebut dipermodalkan sebagai Inventori dan diiktiraf sebagai belanja apabila ianya diagihkan atau perkhidmatan yang berkaitan diberikan. Oleh itu, pelarasan berhubung dengan Inventori telah diambilkira dalam Penyata Kewangan tahun semasa secara retrospektif.

Kesan kepada Penyata Kewangan pada 1 Januari 2018 adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Sebelum	Kesan Pemakaian	Dinyatakan Semula
Penyata Kedudukan Kewangan	RM	RM	RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	61,925,502	7,621,692	69,547,194
Inventori	287,438	1,633,984	1,921,422
Kumpulan Wang	(265,166,634)	(9,255,676)	(274,422,310)

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2018 RM	2017 RM
Tunai DiBank	3,771,694	3,094,861
Panjar Wang Runcit	8,300	8,300
KW Pemberian Kerajaan	212,208	50,049
KW Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	11,974	8,551
KW Program Bandaraya Ipoh	36,593	74,403
KW Rumah Pangsa Buntong Harmoni	7,749	39,233
KW Bayaran Pusat Transformasi Bandar (UTC)	83,110	48,896
KW Pembangunan Harta Modal	323,257	787
KW Caj Pembangunan	53,600	162,951
KW Marris	288,207	1,000
KW Insuran	78,485	36,983
KW Harta Intelek	143,356	104,725
Wang dalam transit	115,233	85,723
PADA AKHIR TAHUN	5,133,766	3,716,462

Tunai di Bank memperoleh faedah harian dan bulanan pada Kadar Deposit Jangka Pendek. Purata Wajaran Kadar Faedah Berkesan pada 31 Disember 2018 adalah 2.8%-3.0% setahun (2017: 2.8%-3.0% setahun).

6. AKAUN BELUM TERIMA

	2018	2017
	RM	RM
URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN		
Cukai Taksiran	43,304,226	43,817,692
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(10,091,271)	(9,800,299)
	<u>33,212,955</u>	<u>34,017,393</u>
Notis dan Waran	6,650,668	6,382,649
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(717,916)	(670,586)
	<u>5,932,752</u>	<u>5,712,063</u>
Caruman Bantu Kadar	6,647,652	8,693,817
Cukai Barangan dan Perkhidmatan	3,172,277	4,399,625
	<u>48,965,636</u>	<u>52,822,898</u>
PADA AKHIR TAHUN		

Analisa Pengumuran Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	22,640,899	22,177,310
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	17,372,901	17,755,200
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	8,951,836	12,890,388
	<u>48,965,636</u>	<u>52,822,898</u>
Dijejasnilai	10,809,187	10,470,885
	<u>59,774,823</u>	<u>63,293,783</u>
Jumlah		

(i) Akaun Belum Terima yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai

Akaun Belum Terima yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan Majlis.

(ii) Akaun Belum Terima yang telah tertunggak dan tidak dijejasnilai

Akaun Belum Terima yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, Majlis yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) Akaun Belum Terima dijejasnilai

Akaun Belum Terima ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, Majlis menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

Pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Pada 1 Januari	10,470,885	10,610,514
Tambahan/(Kurangan) pada tahun semasa	407,595	(139,629)
Hapuskira Kerugian Penjejasan Nilai	(69,293)	—
Pada 31 Disember	10,809,187	10,470,885
URUS NIAGA PERTUKARAN		
Bayaran Perkhidmatan	7,796,201	8,590,448
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(2,941,029)	(3,812,057)
	4,855,172	4,778,391
Sewaan	1,496,551	1,742,666
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(1,255,056)	(816,931)
	241,495	925,735
Pulang Balik Perbelanjaan	774,531	1,212,743
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(335,879)	(309,276)
	438,652	903,467
Pelbagai (Nota 35)	2,230,418	2,228,418
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(1,437,726)	(54,918)
	792,692	2,173,500
Faedah Belum Terima	1,438,696	1,000,311
PADA AKHIR TAHUN	7,766,707	9,781,404

Analisa Pengumuran Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	3,095,458	3,223,260
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	2,625,794	4,255,742
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	2,045,455	2,302,402
	7,766,707	9,781,404
Dijejasnilai	5,969,690	4,993,182
Jumlah	13,736,397	14,774,586

(i) Akaun Belum Terima yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan Majlis.

(ii) Akaun Belum Terima yang telah tertunggak dan tidak dijejasnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, Majlis yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) Akaun Belum Terima dijejasnilai

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, Majlis menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

Pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	4,993,182	4,602,871
Tambahan pada tahun semasa	2,364,008	390,311
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(1,387,500)	—
	<u>5,969,690</u>	<u>4,993,182</u>

7. INVENTORI

	2018	2017
	RM	RM
		Dinyatakan semula
		2017
		RM
Pada Nilai Boleh Realisasi Bersih:		
Hartanah Untuk Dijual—3 unit Rumah Kedai	<u>287,438</u>	<u>287,438</u>
Pada Kos:		
Bekalan, Alat Ganti dan Bahan-bahan Lain	<u>994,644</u>	<u>1,633,984</u>
PADA AKHIR TAHUN	<u>1,282,082</u>	<u>1,921,422</u>

Amaun Inventori yang diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun kewangan semasa adalah RM2,737,965 (2017: RM3,082,155).

8. PELABURAN SIMPANAN TETAP

	2018	2017
	RM	RM
Pelaburan Simpanan Tetap	<u>138,050,000</u>	<u>107,000,000</u>

Pelaburan Simpanan Tetap merupakan Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang yang terdiri daripada pelaburan simpanan tetap dengan bank dan syarikat kewangan berlesen. Pelaburan Simpanan Tetap Majlis mempunyai kadar faedah 3.55% ke 4.40% setahun (2017: 3.60% ke 4.30% setahun) yang matang dalam tempoh 1 hingga 12 bulan.

9. PINJAMAN KAKITANGAN

	2018	2017
	RM	RM
Semasa:		
Pinjaman Kenderaan	776,630	694,681
Pinjaman Komputer	118,275	183,344
	<u>894,905</u>	<u>878,025</u>
Bukan Semasa:		
Pinjaman Kenderaan	2,180,660	1,966,368
Pinjaman Komputer	121,822	77,112
	<u>2,302,482</u>	<u>2,043,480</u>
PADA AKHIR TAHUN	<u>3,197,387</u>	<u>2,921,505</u>

Pinjaman Kakitangan tidak dikenakan sebarang faedah (di bawah terma pasaran). Pada pengiktirafan awal, perbezaan antara Nilai Saksama (berdasarkan syarat-syarat pasaran) dan pinjaman diberi diiktiraf sebagai Manfaat Anggota Tertanggung. Saki Manfaat Anggota Tertanggung pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Nilai Pinjaman Diberi	3,761,313	3,427,052
Tolak: Manfaat Anggota Tertanggung		
Pada Awal Tahun	505,547	435,616
Tambahan Dalam Tahun	183,773	160,465
Kurangan Dalam Tahun	(125,394)	(90,534)
	<u>58,379</u>	<u>69,931</u>
Baki Manfaat Anggota Tertanggung (Nota 10)	(563,926)	(505,547)
Nilai Saksama Pinjaman Pada Akhir Tahun	<u>3,197,387</u>	<u>2,921,505</u>

Pinjaman Kenderaan adalah dijamin oleh gadaian ke atas aset berkenaan yang memihak kepada Majlis. Pinjaman Kakitangan adalah dalam Ringgit Malaysia. Risiko Kredit ke atas Pinjaman Kakitangan adalah kecil kerana amaun tertunggak boleh dipulihkan secara bulanan melalui potongan gaji.

10. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA

	2018	2017
	RM	RM
Manfaat Anggota Tertanggung (Nota 9)	563,926	505,547
Bayaran Terdahulu-Pelbagai	1,953,414	2,021,355
PADA AKHIR TAHUN	<u>2,517,340</u>	<u>2,526,902</u>

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KOS/PENILAIAN

	Tanah	Bangunan	JUMLAH HARTANAH	Loji dan Kenderaan	Peralatan	Aset Dalam Pembinaan	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1-1-2018	670,010	55,063,112	55,733,122	36,203,115	30,630,663	3,084,303	125,651,203
Tambahan Dalam Tahun	8,260,000	99,661,753	107,921,753	4,252,857	4,263,247	8,643,883	125,081,740
Pindahan	—	555,076	555,076	101,161	1,033,973	(3,084,303)	(1,394,093)
Hapuskira/Pelupusan	—	—	—	(2,023,061)	(121,023)	—	(2,144,084)
Baki Pada 31-12-2018	8,930,010	155,279,941	164,209,951	38,534,072	35,806,860	8,643,883	247,194,766
ANALISA KOS/PENILAIAN							
Penilaian	8,930,000	114,207,719	123,137,719	—	—	—	123,137,719
Kos	10	41,072,222	41,072,232	38,534,072	35,806,860	8,643,883	124,057,047
SUSUT NILAI TERKUMPUL							
Baki Pada 1-1-2018	20,304	5,302,615	5,322,919	24,504,208	26,276,882	—	56,104,009
(Dinyatakan Semula)							
Caj Susut Nilai	90,202	5,184,878	5,275,080	2,073,624	2,517,629	—	9,866,333
Pindahan	—	—	—	55,593	(55,593)	—	—
Hapuskira/Pelupusan	—	—	—	(2,023,035)	(120,435)	—	(2,143,470)
Baki Pada 31-12-2018	110,506	10,487,493	10,597,999	24,610,390	28,618,483	—	63,826,872
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2018	8,819,504	144,792,448	153,611,952	13,923,682	7,188,377	8,643,883	183,367,894
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2017	649,706	49,760,497	50,410,203	11,698,907	4,353,781	3,084,303	69,547,194
(Dinyatakan Semula)							
Caj Susut Nilai bagi tahun berakhir 31-12-2017	6,768	1,840,285	1,847,053	2,251,390	2,596,526	—	6,694,969

- (i) Termasuk dalam Hartanah, Loji dan Peralatan, berjumlah RM10 (2017: RM10) adalah sebidang tanah yang masih di dalam proses untuk mendapatkan surat hakmilik bagi tapak bangunan pejabat Majlis di Kawasan Perindustrian Tasek. Notis 5A bertarikh 19 November 2018 telah dijelaskan oleh Majlis berjumlah RM293,383 pada 4 Disember 2018 yang direkodkan sebagai Bayaran Terdahulu.
- (ii) Termasuk dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah 44 unit (2017: 44 unit) Bangunan milik Majlis berjumlah RM34,224,594 (2017: RM35,412,537) yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri. Dari jumlah tersebut terdapat tanah yang telah diberi surat hakmilik namun pertukaran nama masih belum selesai iaitu bagi hakmilik tanah Dewan Komuniti Taman Perpaduan, Dewan Serbaguna Taman Meru, Klinik Jalan Sultan Azlan Shah dan Pejabat Penguatkuasa MBI.
- (iii) Dalam tahun kewangan semasa, Majlis telah menerima Bangunan Kompleks Sukan berjumlah RM96,131,122 yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Perak kepada Majlis bagi tujuan kawalan dan penyelenggaraan sehingga sebuah perbadanan ditubuhkan kelak. Bangunan-bangunan tersebut direkodkan sebagai aset Majlis serta direkodkan sebagai Geran Tertunda (liabiliti) yang akan direalisasikan sebagai hasil bagi urus niaga bukan pertukaran dalam Penyata Prestasi Kewangan pada setiap tahun mengikut kadar susut nilai bangunan tersebut sehingga bangunan-bangunan tersebut diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri Perak. Bagi tujuan pengiktirafan, bangunan-bangunan tersebut diiktiraf pada nilai saksama kecuali bagi Stadium Perak, Stadium Indera Mulia dan Arena Tennis yang telah diiktiraf pada kos (kos anggapan) kerana nilai saksama hartanah tersebut tidak dapat dikenal pasti.

12. HARTANAH PELABURAN

KOS/PENILAIAN	Tanah RM	Bangunan RM	JUMLAH RM
Baki Pada 1-1-2018	8,831,641	227,138,493	235,970,134
Tambahan Dalam Tahunan	—	2,434,411	2,434,411
Pindahan dari Aset dalam Pembinaan	—	1,394,093	1,394,093
Hapuskira/Pelupusan	—	—	—
Baki Pada 31-12-2018	8,831,641	230,966,997	239,798,638
ANALISA KOS/PENILAIAN			
Penilaian	7,590,000	157,320,219	164,910,219
Kos	1,241,641	73,646,778	74,888,419
SUSUT NILAI TERKUMPUL			
Baki Pada 1-1-2018	280,679	13,090,187	13,370,866
Caj Susut Nilai	94,226	5,602,813	5,697,039
Hapuskira/Pelupusan	—	—	—
Baki Pada 31-12-2018	374,905	18,693,000	19,067,905
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2018	8,456,736	212,273,997	220,730,733
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2017	8,550,962	214,048,306	222,599,268
Caj Susut Nilai bagi tahun berakhir 31-12-2017	94,226	5,513,641	5,607,867

- (i) Termasuk dalam Hartanah Pelaburan adalah 40 unit (2017: 41 unit) Bangunan milik Majlis berjumlah RM57,027,459 (2017: RM58,087,576) yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri. Dari jumlah tersebut terdapat tanah yang telah diberi suratan hakmilik namun pertukaran nama masih belum selesai iaitu bagi hakmilik tanah Medan Selera Taman Meru, Medan Selera Taman Perpaduan, Pasar Bercham, Pasar Falim, Pasar Borong Kuala Pari, Pasar Pasir Pinji, Pejabat Kinta Mansion, Rumah Pangsa Waller Court, Rumah Pangsa Sungai Pari, Rumah Pangsa Jalan Bijih Timah dan Rumah Pangsa Jalan Silang.
- (ii) Dalam tahun kewangan semasa, Majlis telah menerima Bangunan Gerai yang merupakan sebahagian daripada Projek Pembangunan Kompleks Sukan MBI dari Kerajaan Negeri Perak dengan kos pembinaan be umlah tersebut diiktiraf pada kos (kos anggapan) kerana nilai saksama bangunan tersebut tidak dapat dikenal pasti.

13. ASET TAK KETARA

KOS	Harta Intelek	Perisian Komputer	JUMLAH
	RM	RM	RM
Baki Pada 1-1-2018	1,066,668	97,230	1,163,898
Tambahan Dalam Tahun	—	253,099	253,099
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki Pada 31-12-2018	1,066,668	350,329	1,416,997
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
PELUNASAN			
Baki Pada 1-1-2018	—	37,151	37,151
Pelunasan Dalam Tahun	—	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki Pada 31-12-2018	—	37,151	37,151
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2018	1,066,668	313,178	1,379,846
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
NILAI BUKU BERSIH 31-12-2017	1,066,668	60,079	1,126,747
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Aset Tak Ketara yang berkaitan dengan Harta Intelek dinyatakan sebagai Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Yang Tidak Dapat Ditentukan. Tiada pelunasan dibuat bagi aset tak ketara yang terlibat dan semakan penjejasan aset akan dibuat apabila terdapat faktor yang menunjukkan sesuatu aset terjejas.

Aset Tak Ketara yang diperolehi melalui pembangunan secara dalaman oleh anggota Majlis diiktiraf berdasarkan harga pasaran aset tersebut (ditentukan melalui harga komersial aset tersebut sekiranya ia dijual).

14. ASET BIOLOGI

	2018	2017
	RM	RM
Aset Haiwan		
Pada Awal Tahun	87,973	25,750
Tambahan	—	68,600
Hapuskira	(11,147)	—
Pelunasan	(5,436)	(6,377)
	<hr/>	<hr/>
PADA AKHIR TAHUN	71,390	87,973
	<hr/>	<hr/>

15. AKAUN BELUM BAYAR

	2018	2017
	RM	RM
URUS NIAGA PERTUKARAN		
Pemiutang Sebenar	13,117,735	11,026,590
Pelbagai Pemiutang	960,720	3,427,290
Akaun Penyelesaian Cek Batal	2,026	1,636
	<u>14,080,481</u>	<u>14,455,516</u>
PADA AKHIR TAHUN	14,080,481	14,455,516

16. GERAN TERTUNDA

Pada Awal Tahun	6,298,054	12,795,243
Terimaan Geran Dalam Tahun	120,282,498	19,262,157
Pindahan ke Pinjaman Kerajaan Negeri	(3,213,751)	(1,020,456)
Pindahan ke Rizab Modal (Nota 22)	(1,137,615)	(57,100)
Pindahan ke Geran Direalisasikan (Nota 23)	(11,571,757)	(24,681,790)
	<u>104,359,375</u>	<u>(6,497,189)</u>
PADA AKHIR TAHUN	110,657,429	6,298,054

Termasuk dalam Geran Tertunda, berjumlah RM102,163,546 (2017: RM0) adalah pemberian kerajaan yang mempunyai syarat dan sekatan. Geran ini akan direalisasikan sebagai hasil bagi urus niaga bukan pertukaran dalam Penyata Prestasi Kewangan pada setiap tahun mengikut kadar susut nilai aset yang terlibat.

17. PINJAMAN

	2018	2017
	RM	RM
Semasa		
Pinjaman Sewa Beli	422,242	—
Pinjaman Kerajaan Negeri - Pusat Konvensyen	581,158	462,866
Pinjaman Kerajaan Negeri - Naiktaraf Pasar	518,875	498,918
Pinjaman Kerajaan Negeri - Lampu Limpah	188,268	181,028
	<u>1,710,543</u>	<u>1,142,812</u>
Bukan Semasa		
Pinjaman Sewa Beli	2,464,666	—
Pinjaman Kerajaan Negeri - Pusat Konvensyen	26,782,211	22,665,432
Pinjaman Kerajaan Negeri - Naiktaraf Pasar	1,684,510	2,203,385
Pinjaman Kerajaan Negeri - Lampu Limpah	2,350,786	2,539,055
	<u>33,282,173</u>	<u>27,407,872</u>
PADA AKHIR TAHUN	34,992,716	28,550,684

Kadar Faedah dan Tempoh Matang Pinjaman adalah seperti berikut:

	Kadar Faedah	Tempoh Pinjaman
Pinjaman Sewa Beli	3.1%	7 Tahun
Pinjaman Kerajaan Negeri - Pusat Konvensyen	2%	32 Tahun (Penangguhan 2 Tahun)
Pinjaman Kerajaan Negeri - Naiktaraf Pasar	2%	10 Tahun (Penangguhan 2 Tahun)
Pinjaman Kerajaan Negeri - Lampu Limpah	Tidak dikenakan faedah	17 Tahun (Penangguhan 2 Tahun)

Pinjaman Kerajaan Negeri telah ditawarkan kepada Majlis dengan kadar faedah di bawah nilai pasaran. Pada pengiktirafan awal, perbezaan antara Nilai Saksama (berdasarkan syarat-syarat pasaran) dan pinjaman diterima telah diiktiraf sebagai Hasil Faedah Dari Nilai Saksama Pinjaman di dalam Penyata Prestasi Kewangan seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Nilai Pinjaman Diterima	43,084,773	35,877,449
Tolak: Hasil Faedah Diiktiraf Terkumpul Pada Awal Tahun	7,326,765	6,169,321
Tambahan Dalam Tahun	1,328,635	1,917,481
Kurangan Dalam Tahun	(563,343)	(760,037)
	<u>765,292</u>	<u>1,157,444</u>
Pada Akhir Tahun	(8,092,057)	(7,326,765)
Nilai Saksama Pinjaman Pada Akhir Tahun	<u>34,992,716</u>	<u>28,550,684</u>

18. PERUNTUKAN

Semasa

Manfaat Pekerja - Gantian Cuti Rehat	500,584	489,403
Manfaat Pekerja - Ganjaran Anggota Bertaraf Kontrak	166,155	122,179
Bantuan Khas Kewangan	5,242,136	2,263,000
Yuran Juruaudit Luar	65,000	61,000
	<u>5,973,875</u>	<u>2,935,582</u>

Bukan Semasa

Manfaat Pekerja - Gantian Cuti Rehat	4,440,712	4,192,966
Manfaat Pekerja- Ganjaran Anggota Bertaraf Kontrak	123,636	229,671
	<u>4,564,348</u>	<u>4,422,637</u>
PADA AKHIR TAHUN	<u>10,538,223</u>	<u>7,358,219</u>

PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

Pada Awal Tahun	5,034,219	4,477,722
Tambahan Dalam Tahun (Nota 29)	1,056,144	1,162,428
Kurangan Dalam Tahun	(859,276)	(605,931)
PADA AKHIR TAHUN	<u>5,231,087</u>	<u>5,034,219</u>

Peruntukan Manfaat Pekerja dibuat untuk merekod obligasi Majlis bagi Nilai Gantian Cuti Rehat yang dikumpul oleh anggota Majlis yang layak dan Ganjaran Anggota Bertaraf Kontrak. Majlis telah membuat peruntukan-peruntukan tersebut pada akhir tahun kewangan dan dikira berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi peruntukan Gantian Cuti Rehat, ianya diiktiraf pada Nilai Kini obligasi tersebut dengan menggunakan kadar diskaun 8% setahun.

Analisa Sensitiviti Peruntukan Manfaat Pekerja

Nilai Kini obligasi ini adalah sensitif kepada andaian dasar seperti kadar diskaun, kadar inflasi, dan jangkaan kenaikan gaji. Jika kadar diskaun ditukar secara berasingan, ia akan memberi kesan kepada pengukuran obligasi seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Kadar Diskaun: +1%	305,535	287,125
Kadar Diskaun: -1%	341,064	320,296

19. TERIMAAN TERDAHULU

Cukai Taksiran	9,204,112	14,952,983
Bayaran Perkhidmatan	32,504	20,938
Sewaan	134,006	176,907
Pulangkan Perbelanjaan	19,403	20,043
Pelbagai	10,156,263	12,000,013
PADA AKHIR TAHUN	19,546,288	27,170,884

20. DEPOSIT

Dewan	58,395	83,170
Kediaman Dan Perniagaan	460,314	456,772
Pasar, Gerai Dan Lesen	1,388,738	1,247,199
Bangunan Majlis	90,701	79,311
Letak Kereta	179,930	162,068
Pelbagai	1,783,563	1,702,372
Kerja Kontrak	3,530,736	3,761,719
Papan Iklan/Billboard/Air	1,348,958	871,958
Permit Mengorek Jalan	983,710	719,500
Pindaan Dan Tambahan Bangunan	8,324,812	8,997,811
PADA AKHIR TAHUN	18,149,857	18,081,880

21. AKAUN AMANAH AWAM

2018

	Pemberian Kerajaan	Program Bandaraya Ipoh	Pembasmian Kemiskinan Bandar	Rumah Pangsa Buntong Harmoni	UTC	Caj Pemajuan	MARRIS	Insuran	Harta Intelek	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1-1-2018	4,703,173	189,087	13,915	46,345	896,382	7,566,338	1,000	238,606	104,725	13,759,571
Tambahan	6,321,636	143,859	78,000	50,000	3,563,633	7,600,110	2,911,080	431,105	512,065	21,611,488
Kurangan	(7,573,660)	(140,040)	(77,675)	(87,598)	(3,128,312)	(3,509,456)	(2,623,873)	(391,226)	(473,434)	(18,005,274)
Baki Pada 31-12-2018	3,451,149	192,906	14,240	8,747	1,331,703	11,656,992	288,207	278,485	143,356	17,365,785

2017

Baki Pada 1-1-2017 (Dinyatakan Semula)	4,627,519	95,776	159,687	157,543	983,877	3,869,232	—	—	—	9,893,634
Tambahan	4,732,135	526,509	—	50,000	2,837,983	6,116,448	3,032,675	563,239	104,725	17,963,714
Kurangan	(4,656,481)	(433,198)	(145,772)	(161,198)	(2,925,478)	(2,419,342)	(3,031,675)	(324,633)	—	(14,097,777)
Baki Pada 31-12-2017	4,703,173	189,087	13,915	46,345	896,382	7,566,338	1,000	238,606	104,725	13,759,571

22. REZAB MODAL

	2018	2017
	RM	RM
Pada Awal Tahun	83,954,657	81,918,815
Pindahan Perbelanjaan Modal Tahun Semasa	1,139,351	2,212,423
Pindahan dari Geran Tertunda (Nota 16)	1,137,615	57,100
	2,276,966	2,269,523
Rezab Modal Direalisasikan	—	(233,681)
PADA AKHIR TAHUN	86,231,623	83,954,657

23. HASIL DARIPADA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Cukai Taksiran	134,302,914	129,986,827
Caruman Bantuan Kadar	7,979,200	7,932,174
Lesen, Pendaftaran dan Permit	8,149,545	7,419,892
Denda dan Hukuman	11,871,444	12,475,971
Terimaan Daripada Agensi Kerajaan	5,000,000	5,000,000
Keuntungan Faedah dari Pengiktirafan Nilai Saksama	1,328,635	1,157,444
Keuntungan dari Geran Direalisasi (Nota 16)	11,571,757	24,681,790
PADA AKHIR TAHUN	180,203,495	188,654,098

24. HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	11,010,841	10,450,602
Bayaran Letak Kereta	11,075,306	9,908,081
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	252,126	277,497
Sewaan	7,990,253	5,572,320
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	6,241,806	4,920,042
Jualan Penswastaaan	21,401	8,414,677
Keuntungan dari Pelupusan Aset	—	171,576
Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu	1,156,751	—
PADA AKHIR TAHUN	37,748,484	39,714,795

25. TERIMAAN BUKAN HASIL

Pulang Balik Perbelanjaan	16,557,408	15,493,854
PADA AKHIR TAHUN	16,557,408	15,493,854

26. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	55,381,878	55,032,029
Elaun/Imbuan Tetap	17,376,522	17,907,275
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	9,804,838	9,764,896
Bayaran Lebih Masa	8,622,447	8,595,822
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	10,289,769	11,631,058
PADA AKHIR TAHUN	101,475,454	102,931,080

27. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2018	2017
	RM	RM
Perjalanan dan Sara Hidup	1,233,138	1,196,816
Pengangkutan Barang-barang	5,826	9,296
Pas dan Telefon	656,870	629,430
Air dan Elektrik	17,928,080	17,132,488
Sewaan	358,403	364,288
Bekalan Bahan Mentah dan bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	4,580,069	3,672,142
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	2,152,305	2,296,001
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	8,225,882	8,951,515
Perkhidmatan Iktisas, Perkhidmatan Lain dan Hospitaliti	38,993,546	37,682,030
PADA AKHIR TAHUN	74,134,119	71,934,006

28. ASET

Aset Sosial	277,897	279,423
Aset Bernilai Rendah Dari Geran Direalisasikan	602,792	620,438
PADA AKHIR TAHUN	880,689	899,861

29. PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP

Pemberian dan Bantuan	272,427	320,453
Faedah Pinjaman dan Pajakkan Manfaat Anggota (Nota 18)	1,348,687	763,231
	1,056,144	1,162,428
PADA AKHIR TAHUN	2,677,258	2,246,112

30. SUSUT NILAI

Susut Nilai Tanah Pajakkan	184,429	100,994
Susut Nilai Bangunan	10,787,690	7,353,927
Susut Nilai Loji dan Kenderaan	2,073,624	2,251,390
Susut Nilai Peralatan	2,517,629	2,596,526
Susut Nilai Aset Biologi	5,436	6,377
Susut Nilai Aset Tak Ketara	—	37,151
PADA AKHIR TAHUN	15,568,808	12,346,365

31. PEMBANGUNAN

Kemudahan-kemudahan Lain	2,371,174	2,960,857
PADA AKHIR TAHUN	2,371,174	2,960,857

32. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Pulang Balik dan Hapuskira	6,104,368	1,084,888
Hapuskira Aset	11,760	7,936
Cukai	1,669,488	1,806,138
Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu	2,470,667	420,532
Pelbagai	1,979,006	1,582,495
PADA AKHIR TAHUN	12,235,289	4,901,989

33. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada Majlis sekiranya Majlis mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Majlis dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak Berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan Majlis diketuai oleh Datuk Bandar Ipoh, dibarisi oleh kakitangan pengurusan tertinggi iaitu Setiausaha Bandaraya serta 3 orang Pengarah Kanan dan dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang juga merupakan Jawatankuasa bagi Majlis Bandaraya Ipoh yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Fungsi dan peranan kakitangan pengurusan tertinggi dan Jawatankuasa Majlis ini adalah termasuk membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan terhadap kewangan dan operasi Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jumlah pembayaran yang dibuat kepada mereka dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Gaji dan Elaun yang dibayar	1,460,966	1,716,740
Bilangan Pihak Berkaitan terlibat	56 orang	29 orang

34. KOMITMEN MODAL

Perbelanjaan Modal yang telah diluluskan oleh Majlis:

Telah Dikontrakkan	1,238,126	1,874,631
Belum Dikontrakkan	964,000	449,721
Jumlah Perbelanjaan Modal yang diluluskan	2,202,126	2,324,352

35. ASET LUAR JANGKA

- (i) 8 Unit Komersial Suites bagi Pembangunan Usahasama Pusat Konvensyen Ipoh dengan Sycal Berhad

Majlis telah menandatangani satu Perjanjian Tambahan dengan syarikat Sycal Berhad bagi Pembangunan Laman Bougainvillea di atas lot H.S. (D) 2251002 PT 254557 (Lot Baru 107891), Mukim Bandar Ipoh (U), Daerah Kinta, Bandar Ipoh, Perak Darul Ridzuan seluas 3.196 ekar yang menyatakan pihak syarikat bersetuju untuk menyerahkan pemilikan 8 unit komersial suites kepada Majlis sebagai pulangan tambahan. Kedua-dua belah pihak juga bersetuju bahawa penyerahan 8 unit komersial suites ini adalah penyelesaian akhir dan penuh apa-apa tanggungan pihak syarikat terhadap Majlis ekoran daripada Perjanjian Prinsipal terdahulu. Walau bagaimanapun, nilai bagi 8 unit komersial suites tersebut masih belum dapat dikenal pasti. Pengiktirafan hasil bagi perkara ini akan dibuat apabila penyerahan dan nilai hartanah tersebut diterima oleh Majlis kelak.

- (ii) 2 Unit Komersial Suites bagi Pembangunan Usahasama Pusat Konvensyen Ipoh dengan Sycal Berhad

Melalui Perjanjian Tambahan yang sama dinyatakan para (i) di atas, pihak Syarikat juga bersetuju untuk membuat pembayaran Denda Kelewatan Siap Kerja (LAD) berjumlah RM2,175,500 dengan menyerahkan 2 unit komersial suites kepada Majlis. Pihak Majlis akan mengenakan faedah 8% setahun ke atas jumlah yang disebutkan di atas bagi kelewatan penyerahan unit-unit tersebut kepada Majlis yang dikira mulai dari tarikh genap 2 tahun selepas unit-unit tersebut dipindah milik secara rekod oleh pihak syarikat kepada Majlis.

36. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PENYATA KEWANGAN

Pembangunan Usahasama Pusat Konvensyen Ipoh dengan Sycal Berhad

(i) Nilai Komponen Sumbangan Syarikat Kepada Majlis

Berdasarkan perenggan F(iii) perjanjian usahasama bagi projek Pusat Konvensyen Ipoh dengan Sycal Berhad bertarikh 12 Disember 2012, Syarikat telah menawarkan dan MBI telah bersetuju untuk menerima milikan 10 item Komponen Sumbangan Syarikat kepada Majlis dengan anggaran nilai berjumlah RM6.30 juta tertakluk kepada penilaian akhir jurunilai bebas yang akan dilantik oleh Syarikat dengan persetujuan MBI dan kos penilaian tersebut akan ditanggung oleh Syarikat.

Pada 13 Jun 2019, Majlis telah menerima Laporan Nilai dari Jurunilai HASB Consultants Sdn. Bhd. bagi penilaian tersebut yang menganggarkan nilai keseluruhan bagi Komponen Sumbangan Syarikat kepada Majlis berjumlah RM7.1 juta. Walau bagaimanapun, tiada pelarasan perakaunan dibuat memandangkan penilaian serta penyerahan item komponen tersebut masih belum dimuktamadkan oleh kedua belah pihak.

(ii) Nilai 2 Unit Komersial Suites bagi Penyelesaian Denda Kelewatan Siap Kerja (LAD)

Majlis telah mengiktiraf Denda Kelewatan Siap Kerja (LAD) berjumlah RM2,175,500 yang dikenakan semasa pembangunan projek tersebut sebagai Hasil dan Akaun Belum Terima - Pelbagai selari dengan pengiktirafan bangunan tersebut sebagai Hartanah Majlis dalam tahun kewangan 2017.

Seperti yang dinyatakan pada Nota 35 (ii) kepada penyata kewangan di atas, berkaitan terma perjanjian tambahan yang menyatakan bahawa Syarikat bersetuju untuk membuat pembayaran Denda Kelewatan Siap Kerja (LAD) berjumlah RM2,175,500 dengan menyerahkan 2 unit komersial suites kepada Majlis sebagai balasan.

Walaupun bagaimanapun, pada 13 Jun 2019, Majlis telah menerima penilaian bagi 2 unit komersial suites yang dianggarkan hanya berjumlah RM742,400 (RM371,200 per unit). Peruntukan Hutang Ragu telah dibuat berdasarkan penilaian tersebut dan akan disemak semula setelah penilaian akhir diperolehi dan penyerahan 2 unit komersial suites kepada Majlis dimuktamadkan kelak.

37. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO

(i) Risiko Kadar Faedah

Majlis terdedah kepada Risiko Kadar Faedah bagi pembiayaan projek dan pembelian aset melalui pinjaman. Majlis juga membuat pelaburan berjangka pendek dan panjang mengikut kedudukan aliran tunai pada sesuatu masa. Majlis menguruskan risiko ini dengan memastikan pinjaman dan pelaburan yang dibuat adalah pada Kadar Faedah Tetap dan membuat pelaburan yang berisiko rendah dengan institusi kewangan yang berlesen dan pinjaman dengan Kerajaan Negeri sahaja.

Selain dari yang dinyatakan pada Nota 17 kepada Penyata Kewangan ini, Aset dan Liabiliti Kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Kewangan Majlis.

(ii) Risiko Kredit

Risiko Kredit merujuk kepada risiko pihak yang akan mungkir pada obligasi kontraknya menyebabkan kerugian kewangan kepada Majlis. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Akaun-akaun ini dipantau dari masa ke semasa melalui prosedur dan laporan kepada Pengurusan Majlis serta tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan terhadap hutang-hutang yang telah lama tertunggak. Majlis sentiasa memperkemas sistem kutipan hasil dan mengambil tindakan tegas dalam mengurangkan pendedahan kepada risiko kredit.

Objektif Majlis adalah untuk mewujudkan pertumbuhan berterusan disamping meminimakan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Pelaksanaan semakan dan pengesahan kredit juga dibuat terhadap syarikat/individu yang berurus niaga dengan Majlis.

(iii) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan merujuk kepada risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran memenuhi obligasi berkaitan dengan Liabiliti Kewangan. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

Jadual berikut memperincikan baki bagi Liabiliti Kewangan berkontrak Majlis mengikut tempoh matang pada tarikh pelaporan berdasarkan obligasi aliran tunai tidak terdiskaun dan tarikh terawal Majlis dikehendaki untuk membayar obligasi tersebut:

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
2018			
Akaun Belum Bayar	13,117,735	—	13,117,735
Pinjaman:			
Pokok	1,832,339	38,365,526	40,197,865
Faedah	740,195	9,921,819	10,662,014
2017			
Akaun Belum Bayar	11,026,590	—	11,026,590
Pinjaman:			
Pokok	1,636,849	34,240,599	35,877,448
Faedah	647,990	8,851,526	9,499,516

38. PENJELASAN BAGI PENYATA PRESTASI BAJET

Bajet Majlis telah diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis pada 25 Ogos 2017. Bajet ini disediakan pada asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Pengkelasan item-item bajet adalah selari dengan persembahan Penyata Prestasi Kewangan iaitu mengikut jenis hasil dan belanja. Perubahan di antara Bajet Asal dan Bajet Akhir adalah disebabkan pengagihan semula bajet mengikut keperluan operasi Majlis yang dibuat sepanjang tempoh kewangan.

Penjelasan Varian bagi Penyata Prestasi Bajet 2018 adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah terimaan hasil sebenar melebihi RM4,546,361 atau 2% berbanding bajet akhir yang disumbangkan terutamanya oleh faedah dan perolehan dari pelaburan disebabkan peningkatan terimaan faedah akaun semasa dan faedah simpanan tetap.

Selain dari itu, berlaku peningkatan yang ketara daripada terimaan hasil bagi pulang balik perbelanjaan iaitu bayaran korek jalan (awam), bayaran Pusat Transformasi Bandar (UTC), bayaran MARRIS dan bayaran lain-lain.

- (ii) Penurunan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak RM11,860,394 atau 6% daripada amaun bajet akhir yang diperuntukkan adalah berikutan langkah penjimatan dan penyusunan semula keutamaan program dan projek berdasarkan perubahan persekitaran yang dilaksanakan oleh MBI sejajar dengan Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2017–Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018.

Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan yang ketara berbanding perbelanjaan mengurus tahun 2017 iaitu perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak RM5,202,717 atau 106% (2017: RM4,901,988) disebabkan bayaran pulang balik hasil yang melibatkan perbelanjaan pelarasan potongan 50% bil Cukai Taksiran, pelarasan pembatalan bil Cukai Taksiran, bil Caruman Bantu Kadar, bil Notis E, bil Waran F dan bil sewaan.

Penyata Kewangan Majlis disediakan pada asas akruan. Amaun Prestasi Kewangan Majlis telah disusun dan dikelaskan semula mengikut asas tunai bagi tujuan pembentangan Penyata Prestasi Bajet pada asas yang sama. Perbezaan-perbezaan yang timbul telah dinyatakan dengan jelas dalam Penyata Penyesuaian Bajet. Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Bajet dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

	OPERASI RM	PELABURAN RM	PEMBIAYAAN RM	JUMLAH RM
Amaun Sebenar dalam asas perbandingan yang dibentangkan dalam Bajet dan Penyata Perbandingan Sebenar:				
Pendapatan	203,909,229	—	15,315,227	219,224,456
Perbelanjaan	(178,445,850)	(4,813,547)	(2,656,116)	(185,915,513)
	<u>25,463,379</u>	<u>(4,813,547)</u>	<u>12,659,111</u>	<u>33,308,943</u>
Perbezaan Asas (Nota A)	3,228,233	2,142,688	(6,212,560)	(841,639)
Perbezaan Masa	—	—	—	—
Perbezaan Entiti	—	—	—	—
	<u>3,228,233</u>	<u>2,142,688</u>	<u>(6,212,560)</u>	<u>(841,639)</u>
Jumlah Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	<u>28,691,612</u>	<u>(2,670,859)</u>	<u>6,446,551</u>	<u>32,467,304</u>

Nota A:

Perbezaan Asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa dibuat berhubung dengan tanggungan yang timbul dari tahun kewangan sebelumnya.

39. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi Penyata Kewangan ini telah dinyatakan dan dikelaskan semula selaras dengan pembentangan Penyata Kewangan tahun semasa berdasarkan keperluan dan kehendak MPSAS.

No. 1183.LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KANAN)
MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Ipoh Municipal (Senior Employees) Provident Fund Rules, 1964*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pemegang Amanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Ipoh Municipal (Senior Employees) Provident*

Fund Rules, 1964. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh, Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pemegang Amanah.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah, Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan *The Ipoh Municipal (Senior Employees) Provident Fund Rules*, 1964, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Pemegang Amanah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

IPOH
 Bertarikh 8 November 2019

YUSOF BIN PUTEH
*b.p. Ketua Audit Negara
 Malaysia*

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
PERBELANJAAN		
Faedah dikreditkan kepada Ahli-Ahli	—	—
Faedah tidak dibahagikan dibawa ke hadapan	—	—
	<hr/>	<hr/>
	—	—
	<hr/>	<hr/>
PENDAPATAN		
Baki dibawa ke hadapan	—	—
Faedah yang terdapat	—	—
	<hr/>	<hr/>
	—	—
	<hr/>	<hr/>

AKAUN AHLI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	C. AHLI RM	C. MAJIKAN RM	2018 RM	2017 RM
BUTIR-BUTIR				
Dibayar kepada Ahli-Ahli	—	—	—	—
Dipinda ke WTD	—	—	—	118,911.24
Pindah ke Tabung Pencen	—	—	—	—
Caj bank (proses tutup akaun)	—	—	1.23	5.83
Baki dalam Akaun Ahli pada Akhir Tahun	—	—	—	1.23
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>118,918.30</u>
BUTIR-BUTIR				
Baki dalam Akaun @ 1-1-2018	—	—	1.23	118,911.24
Pelbagai	—	—	—	7.06
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>118,918.30</u>

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ASET		
Aset Semasa		
Tunai di Tangan dan Di Bank	—	1.23
	<u>—</u>	<u>1.23</u>
LIABILITI		
Caruman Pekerja-Pekerja	—	—
Caruman Majikan	—	—
Terimaan Pelbagai	—	1.23
	<u>—</u>	<u>1.23</u>

Bertarikh 12 Julai 2019

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
Datuk Bandar Ipoh

MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN
Pengarah Perbendaharaan Bandaraya

No. 1184.LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (RENDAH)
MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Ipoh Municipal (Senior Employees) Provident Fund Rules, 1964*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pemegang Amanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Ipoh Municipal*

(*Senior Employees Provident Fund Rules*, 1964. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh, Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahnya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pemegang Amanah.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan

keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah, Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandarya Ipoh memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan *The Ipoh Municipal (Junior Employees) Provident Fund Rules, 1964*, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Pemegang Amanah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

IPOH
Bertarikh 8 November 2019

YUSOF BIN PUTEH
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
PERBELANJAAN		
Faedah dikreditkan kepada Ahli-Ahli	—	—
Faedah tidak dibahagikan dibawa ke hadapan	—	—
	<hr/>	<hr/>
	—	—
	<hr/>	<hr/>
PENDAPATAN		
Baki dibawa ke hadapan	—	—
Faedah yang terdapat	—	—
	<hr/>	<hr/>
	—	—
	<hr/>	<hr/>

AKAUN AHLI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	C. AHLI RM	C. MAJIKAN RM	2018 RM	2017 RM
BUTIR-BUTIR				
Dibayar kepada Ahli-Ahli	—	—	—	—
Dipinda ke WTD	—	—	—	576,511.66
Tuntutan Ahli	—	—	—	—
Pindah ke Tabung Pencen	—	—	—	—
Caj bank (proses tutup akaun)	—	—	1.23	5.83
Baki dalam Akaun Ahli pada Akhir Tahun	—	—	—	1.23
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>576,518.72</u>
BUTIR-BUTIR				
Baki dalam Akaun @ 1-1-2018	—	—	1.23	576,511.66
Pelbagai	—	—	—	7.06
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>576,518.72</u>

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ASET		
Aset Semasa		
Tunai di Tangan dan Di Bank	—	1.23
	<u>—</u>	<u>1.23</u>
LIABILITI		
Caruman Pekerja-Pekerja	—	—
Caruman Majikan	—	—
Terimaan Pelbagai	—	1.23
	<u>—</u>	<u>1.23</u>

Bertarikh 12 Julai 2019

DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM
Datuk Bandar Ipoh

MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN
Pengarah Perbendaharaan Bandaraya

No. 1185.LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Tanjong Malim dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Tanjong Malim untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Tanjong Malim.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dari berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Tanjong Malim sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

IPOH
Bertarikh 25 Julai 2019

MOHD FISUL BIN ISMAIL
*b.p Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Faizal Nizam bin Md. Nor, AMP yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui
oleh penama yang tersebut di atas
di Mahkamah Majistret Slim River
Pada 9 April 2019

FAIZAL NIZAM BIN MD. NOR
*Yang Di-Pertua
Majlis Daerah Tanjong Malim*

Di hadapan saya:

MAZLAN BIN NGOT
*A-A100
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

PENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Encik Chan Chean Hong dan Encik Subramaniam a/l Applanaidoo yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Tanjong Malim pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tersebut.

Bagi pihak Majlis,

Bagi pihak Majlis,

CHAN CHEAN HONG

SUBRAMANIAM A/L APPLANAIDOO

Ahli Majlis

Ahli Majlis

Majlis Daerah Tanjong Malim

Majlis Daerah Tanjong Malim

Bertarikh 9 April 2019

Bertarikh 9 April 2019

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
ASET SEMASA		
Baki bank dan wang tunai (Nota 4)	931,570	831,641
Deposit tetap di institusi kewangan (Nota 4)	500,000	200,000
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 5)	1,900,468	1,694,499
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 6)	102,017	154,575
Pendahuluan Pinjaman (Nota 6)	37,937	27,914
	<u>3,471,992</u>	<u>2,908,629</u>
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8)	30,429,456	25,005,948
Kerja Dalam Perlaksanaan (Nota 8)	—	4,673,550
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 5)	3,109,397	2,095,147
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 6)	24,500	25,783
Pendahuluan Pinjaman (Nota 6)	47,498	40,793
	<u>33,610,851</u>	<u>31,841,221</u>
JUMLAH ASET	<u>37,082,843</u>	<u>34,749,850</u>
LIABILITI SEMASA		
Urusniaga pertukaran belum bayar (Nota 9)	1,505,375	1,660,187
Cagaran Yang Diterima (Nota 9)	3,899,543	3,697,733
Terimaan terdahulu (Nota 10)	97,945	89,214
Pinjaman Jangka Pendek (Nota 11)	389,171	657,809
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 12)	254,036	1,299
	<u>6,146,070</u>	<u>6,106,242</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

16hb Julai 2020]

1155

	2018	2017
	RM	RM
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Kumpulan wang (Nota 13)	2,860,117	2,155,145
Pinjaman Jangka Panjang (Nota 11)	807,842	1,197,013
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 12)	592,353	520,825
	4,260,312	3,872,983
JUMLAH LIABILITI	10,406,382	9,979,225
ASET BERSIH	26,676,461	24,770,625
EKUITI/ASET BERSIH		
Lebihan terkumpul	26,676,461	24,770,625
	26,676,461	24,770,625
HASIL		
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN (Nota 20)		
Cukai Taksiran Am	8,786,872	8,601,359
Caruman Membantu Kadar	976,624	979,624
Bantuan daripada kerajaan	1,945,838	1,875,206
Peruntukan projek pembangunan direalisasikan	6,415,674	1,062,851
Sewaan lain	812,151	674,846
Denda	220,258	217,345
Lesen	1,685,223	1,155,101
	20,842,640	14,566,332
HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN (Nota 20)		
Perkhidmatan	934,208	1,104,977
Keuntungan daripada pelaburan	257,158	37,170
Keuntungan dari pelupusan aset/Jualan	40,737	300,621
Sewa Bangunan Perniagaan	78,586	69,720
Lain-lain hasil	125,315	51,192
Hutang Ragu Baik Pulih	42,942	—
	1,478,946	1,563,680
JUMLAH HASIL	22,321,586	16,130,012
BELANJA MENGURUS (Nota 20)		
Emolumen	6,559,901	6,719,542
Elaun lebih masa	471,210	569,945
Perkhidmatan dan bekalan	7,273,774	7,688,603
Aset kecil (Inventori)/Harta Modal	52,056	7,075
Pemberian dan kenaaan tetap	150,622	183,359
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	1,581,024	1,311,597
Peruntukan kerugian rosot nilai penghutang	124,648	679,189
Perbelanjaan lain	224,626	205,415
	16,437,861	17,364,725
LEBIHAN/(KURANGAN) TAHUN SEMASA	5,883,725	(1,234,713)

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BERSIH BAGI
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan Wang Terkumpul RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2017, seperti dinyatakan semula	24,750,622	100,000	1,848,893	26,699,515
Pelarasan tahun lalu	(694,177)	—	—	(694,177)
Kurangan pendapatan bagi tahun Perbelanjaan	(1,234,713)	—	—	(1,234,713)
	—	—	—	—
Baki Pada 31hb. Disember 2017	22,821,732	100,000	1,848,893	24,770,625
Pada 1 Januari 2018	22,821,732	100,000	1,848,893	24,770,625
Pelarasan tahun lalu	(2,128,996)	—	(1,848,893)	(3,977,889)
Lebihan pendapatan bagi tahun Perbelanjaan	5,883,725	—	—	5,883,725
seperti dinyatakan semula	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2018, seperti dinyatakan semula	26,576,461	100,000	—	26,676,461

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	5,883,725	(1,234,713)
Pelarasan untuk:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,581,024	1,311,597
Keuntungan dari pelaburan	(21,309)	(37,170)
Keuntungan wang pinjaman dikenakan	30,173	58,626
Peruntukan hutang ragu	124,648	679,189
Keuntungan ke atas jualan aset tetap	(1,901)	(24,337)
Geran Projek Pembangunan direalisasi	(6,415,674)	(1,062,851)
Pelunasan Rizab Modal	1,848,893	—
Pelarasan Tahun Lepas	(2,128,996)	(694,177)
	900,583	(1,003,836)
Pendapatan/Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja		
Perubahan dalam:		
Penghutang	(1,183,106)	259,716
Cagaran Diterima	201,810	563,214
Terimaan Terdahulu	8,731	8,000
Pemiutang	(154,812)	285,032
Peruntukan Manfaat Kakitangan	324,264	76,849
	97,470	188,975
Tunai digunakan oleh aktiviti operasi	97,470	188,975
Bayaran keuntungan wang pinjaman	(30,173)	(58,626)
Keuntungan pelaburan diterima	21,309	37,170
	88,606	167,519
Tunai bersih digunakan oleh aktiviti operasi	88,606	167,519

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

16hb Julai 2020]

1157

	2018	2017
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Penerimaan dari: Pelupusan aset tetap	1,901	21,337
Pembelian aset tetap	(591,218)	(1,385,544)
	(589,317)	(1,364,207)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Aktiviti Daripada Kumpulan Wang	1,558,449	(634,239)
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(657,809)	(594,669)
	900,640	(1,228,908)
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	399,929	(2,425,596)
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	399,929	(2,425,596)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	1,031,641	3,457,237
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,431,570	1,031,641
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Wang tunai dan dana jangka pendek	931,570	831,641
Deposit tetap	500,000	200,000
	1,431,570	1,031,641

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Bajet asal	Bajet akhir	Amaun sebenar pada asas setanding	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar
	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN				
Cukai taksiran	9,946,220	9,946,220	8,572,811	(1,373,409)
Caruman membantu kadar	296,260	296,260	616,911	320,651
Lesen, terimaan pendaftaran & permit	1,501,000	1,501,000	1,685,223	184,223
Perkhidmatan & bayaran perkhidmatan	1,043,800	1,043,800	934,208	(109,592)
Perolehan dari jualan barang-barang	576,020	576,020	40,737	(535,283)
Hasil dari projek penswastaan	—	—	235,849	235,849
Sewaan bangunan perniagaan	100,000	100,000	67,467	(32,533)
Sewaan lain	1,014,200	1,014,200	709,928	(304,272)
Faedah & perolehan dari pelaburan	62,010	62,010	19,458	(42,552)
Denda & hukuman	686,010	686,010	186,328	(499,682)
Terimaan daripada agensi-agensi kerajaan	2,416,325	2,416,325	1,945,838	(470,487)
Lain-lain hasil	280,030	280,030	134,830	(145,200)
	17,921,875	17,921,875	15,149,588	(2,772,287)
JUMLAH TERIMAAN	17,921,875	17,921,875	15,149,588	(2,772,287)

	Bajet asal	Bajet akhir	Amaun sebenar pada asas setanding	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar
	RM	RM	RM	RM
BELANJA MENGURUS				
Emolumen				
Gaji, upahan dan elaun	6,465,499	6,363,121	5,411,780	(951,341)
Sumbangan berkanun & Keuntungan kewangan untuk kakitangan awam	1,312,645	1,411,871	1,148,121	(263,750)
Elaun lebih masa	530,000	533,152	445,139	(88,013)
Perkhidmatan dan Bekalan				
Perbelanjaan perjalanan & sara hidup, pengangkutan barang-barang	303,882	270,640	107,198	(163,442)
Perhubungan dan utiliti	1,704,097	2,298,897	1,631,824	(667,073)
Sewaan	123,840	126,240	100,786	(25,454)
Bekalan dan bahan-bahan	1,358,339	1,400,350	755,937	(644,413)
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	700,566	496,983	268,592	(228,391)
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli	4,367,808	3,965,422	3,020,741	(944,681)
Harta Modal Yang Lain				
Bangunan/kemudahan dan pembaikan	63,100	63,100	—	(63,100)
Lain-lain harta modal	324,610	324,610	96,528	(228,082)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap				
Pemberian	41,240	41,240	7,000	(34,240)
Keuntungan dibayar atas pinjaman	653,297	658,297	633,994	(24,303)
Ganjaran kakitangan awam	152,629	147,629	83,448	(64,181)
Perbelanjaan lain-lain				
Bayaran-bayaran lain	191,520	191,520	220,131	28,611
JUMLAH PERBELANJAAN	18,293,072	18,293,072	13,931,219	(4,361,853)
(KURANGAN)/TERIMAAN BERSIH	(371,197)	(371,197)	1,218,369	1,589,566

Nota: Jumlah Pemiutang Akaun Kena Bayar Tahun 2018 adalah RM1,489,963.

Nota kepada penyata perbandingan bajet dan amaun sebenar:

1. Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi sifat yang terdiri daripada objek hasil dan objek belanja. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018, dan termasuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam MDTM.
2. Bajet MDTM bagi tahun 2018 telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui perjumpaan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1922 pada 29 November 2017 dan disahkan pada 5 Disember 2017 mengikut seksyen 55(5) dan seksyen 16(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

3. MDTM menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual. Namun begitu, perbandingan amaun sebenar yang dibuat dalam penyata perbandingan ini adalah berdasarkan asas tunai. Selain itu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.
4. Kurangan pendapatan sebenar bagi terimaan sebanyak 15% (-RM2,772,287.69) berbanding bajet akhir yang dianggarkan (RM17,921,874.51) adalah disebabkan:
 - (a) Pertumbuhan skim-skim perumahan baru dan pusat komersial yang sederhana pada tahun 2018 sedangkan unjuran bajet bagi cukai taksiran disediakan adalah berdasarkan unjuran pertumbuhan rumah kediaman dan pusat komersial yang positif iaitu kenaikan sebanyak 3% setahun.
 - (b) Terimaan bagi perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan adalah bergantung kepada pertumbuhan skim-skim baru dan pusat komersial sedangkan pertumbuhan bagi sektor pembinaan adalah sederhana pada tahun 2018.
 - (c) Perolehan dari jualan barang hanya bergantung kepada terimaan utama iaitu jualan borang tender di mana perkara ini bergantung kepada jumlah bajet pembangunan (BPI) dan geran marris setiap tahun sedangkan bajet ini juga mengambil kira terimaan dari jualan borang cetak, dokumen & pelan, jualan harta kerajaan dan lain-lain termasuk hasil pelaburan yang dilaraskan terimaan menggunakan kod terimaan 754990 di bawah objek sebagai 75000 iaitu keuntungan dan perolehan dari pelaburan. Oleh itu, basil ini tidak dicapai sepertimana bajet diunjurkan.
 - (d) Kadar sewaan bangunan pemiagaan dan sewaan lain tidak mengikut kadar pasaran sedangkan bajet bagi terimaan sewaan ini mengikut cadangan kadar pasaran yang baru. Pindaan kadar sewa tidak dapat dibuat berikutan pilihanraya pada tahun 2018. Manakala, sewaan rumah rehat adalah kurang berikutan pembinaan hotel yang baru di Slim River. Ramai pengguna lebih tertumpu kepada penyewaan hotel yang baru.
 - (e) Terimaan keuntungan & perolehan dari pelaburan bergantung kepada aliran tunai MDTM.
 - (f) Terimaan denda dan hukuman diberikan diskaun maksimum 70% untuk setiap kompaun bagi tujuan menggalakkan pembayaran denda dan hukuman dibuat sedangkan unjuran bajet untuk terimaan denda dan hukuman tidak mengambil kira elemen diskaun.
 - (g) Bajet bagi terimaan bagi agensi-agensi kerajaan adalah termasuk sumbangan untuk perbelanjaan mengurus bagi geran Marris sedangkan sumbangan ini dimasukkan dalam kumpulan wang amanah Marris.
5. Walaubagaimanapun, pada tahun 2018 terdapat peningkatan kutipan bagi hasil-hasil berikut:
 - (a) Hasil caruman membantu kadar meningkat kerana pembayaran tunggakan CBK oleh Lembaga Air Perak sebanyak 25% dari jumlah tahunan CBK untuk tahun 2017 dan 2018 serta bayaran tunggakan CBK 2017 oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 - (b) Peningkatan hasil lesen, terimaan pendaftaran dan premit adalah kerana penambahan kadar fi bagi UUK Pengiklanan dan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Penambahan fi ini berikutan kadar baru yang diguna pakai berdasarkan jenis perniagaan dan keluasan aktiviti perniagaan.
 - (c) Peningkatan hasil dari projek penswastan berikutan penerimaan bayaran ganti bagi kerja naik taraf arked MDTM untuk projek penswastan Jalan Maktab.
 - (d) Lain-lain hasil meningkat kerana penerimaan sumbangan swasta iaitu CSR yang dibuat oleh pihak pemaju bagi tujuan menampung perbelanjaan penyelenggaraan untuk SUKMA Perak 2018.

6. Kurangan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak 16% (RM2,871,889.36) dengan mengambil kira RM1,489,963.13 untuk pemiutang Akaun Kena Bayar 2018 daripada bajet akhir yang diperuntukkan (RM18,293,071.50) adalah disebabkan langkah-langkah penjimatan dan pebelanjaan berhemah (value for money) yang dilaksanakan oleh MDTM.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN—31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

Yang Dipertua (YDP) adalah pentadbir utama yang mentadbir kawasan pentadbiran MDTM. Semua kuasa pentadbiran yang dijalankan oleh YDP telah digariskan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Undang-Undang Kecil MDTM yang berkuat kuasa. Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Mesyuarat Penuh selaku pihak yang berkuasa untuk meluluskan Penyata Kewangan berdasarkan Seksyen 54(3) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di Mesyuarat Penuh Ahli Majlis pada 25 Mac 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS - Malaysia Public Sector Accounting Standards) dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33, membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Asas perakaunan sebelum ini yang mengguna pakai MDTM tidak mengiktiraf aset infrastruktur sebagai aset. Susulan daripada penggunaan MPSAS sebagai asas perakaunan, MDTM memanfaatkan kelebihan pengecualian peralihan bagi aset infrastruktur.

Pendekatan ke arah pematuhan penuh MPSAS untuk aset ini bermula dengan mengenai pasti dan membuat senarai aset-aset tersebut. Aset infrastruktur merupakan aset-aset yang penting dan berada di sebahagian besar kawasan perkhidmatan MDTM dan menyokong khidmat-khidmat yang disediakan. Dalam tahun ini, kerja-kerja menyenaraikan aset-aset ini masih berjalan dan pihak MDTM berusaha untuk melengkapkannya seawal mungkin supaya prosedur pengukuran, persembahan dan pendedahan dapat dilaksanakan. Di samping itu, MDTM juga telah memulakan langkah mengkaji model pengukuran yang sesuai bagi meletakkan nilai yang munasabah ke atas aset-aset ini.

MDTM yakin langkah-langkah peralihan yang diambil ke atas aset infrastruktur dapat dilengkapkan selari dengan kehendak MPSAS sebelum tempoh pengecualian tamat.

2.2 Perubahan Polisi Perakaunan

Pada 1 Januari 2017, MDTM telah memilih untuk menerima pakai piawaian MPSAS di mana tempoh peralihan bagi pemakaian piawaian ini adalah bermula 1 Januari 2016. Piawaian-piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran

- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjana Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24, Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Pekerja
- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjana Tunai
- MPSAS 27, Agrikultur
- MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Persembahan
- MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Pemberi
- MPSAS 33, Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
- MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama
- MPSAS 37, Pengaturan Bersama
- MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas. Kesan pertukaran kepada MPSAS ditunjukkan pada Nota 18.

2.3 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.4 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu matawang fungsian untuk MDTM.

2.5 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Instrumen Kewangan

3.1.1 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila MDTM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit.
- Pinjaman dan Penghutang;
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang; dan
- Aset Kewangan Sedia Dijual.

Pengelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan. Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

(i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

(iii) Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila MDTM berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas rosot nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(iv) Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan.

Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

(i) Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan sama ada terdapat, secara individual, bukti objektif tentang rosot nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(ii) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai.

‘Signifikan’ bermaksud bandingan kepada kos asal manakala ‘berpanjangan’ bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan rosot nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk rosot nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3.1.2 Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan, untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

(i) Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau defisit.

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(ii) Pinjaman dan Pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan diantara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Hapus silang (Offsetting) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.3 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai terealisasi bersih selepas ditolak kos penyediaan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.4 Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Dalam tahun 2018, Kementerian Kewangan telah pun mengumumkan bahawa cukai barangan dan perkhidmatan (GST), yang dikenakan pada kadar 6% telah dimansuhkan dan sepenuhnya menjadi 0% bermula 1 Jun 2018 dan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan pada 1 September 2018. Peralihan sistem percukaian ini telah, memberi kesan kepada MDTM dalam mengakaunkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 Jun 2018.

3.5 Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajamya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

(b) Pengiktirafan Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

(c) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas dan kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	2% setahun atau 50 tahun
Gerai perniagaan	5% setahun atau 20 tahun
Kenderaan	20% setahun atau 5 tahun
Loji dan mesin	10% setahun atau 10 tahun
Kelengkapan pejabat	10% setahun atau 10 tahun
Peralatan	10% setahun atau 10 tahun
Komputer dan keperluan menggunakan elektrik	20% setahun atau 5 tahun

Nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.6 Aset Hartanah untuk Dijual

Aset hartanah untuk dijual terdiri daripada unit-unit bangunan siap yang dikenalpasti dalam program jualan MDTM dan dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

3.7 Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai peruntukan manfaat kakitangan.

Jenis peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekerja mengumpulkan cuti tahunan sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai tahap maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Kesan kewangan kepada MDTM pada tahun 2018 kerana pematuhan kepada Seksyen 25 MPSAS - Manfaat Pekerja ialah pengiktirafan belanja sebanyak RM36,425 telah dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa dan sejumlah RM846,388 yang merujuk kepada liabiliti setakat 31 Disember 2018 telah ditunjukkan sebagai perubahan tahun sebelumnya di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

3.8 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila MDTM mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

(a) Liabiliti Rehabilitasi

Kos rehabilitasi diperuntukkan pada nilai semasa kos jangkaan untuk menyelesaikan obligasi, menggunakan anggaran aliran tunai sebagai sebahagian kos aset berkenaan. Aliran tunai didiskaunkan pada kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan risiko spesifik untuk liabiliti rehabilitasi berkenaan. Perungkaan diskaun dicaj sebagai kos kewangan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Anggaran kos di masa hadapan untuk pemberhentian dikaji secara tahunan dan diselaraskan sebagaimana yang sesuai. Perubahan kepada anggaran kos di masa hadapan atau kadar diskaun yang digunakan akan dicampur atau ditolak dari kos asal aset berkenaan.

(b) Liabiliti Kontingen

MDTM tidak mengiktiraf liabiliti kontingen, tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan, kecuali kemungkinan aliran sumber ekonomi adalah terpencil.

3.9 Kumpulan Wang (KW)

KW yang wujud di MDTM adalah mengikut maksud penubuhan seperti berikut:

(a) Kumpulan Wang Pinjaman

Kumpulan wang ini bertujuan untuk memberi pinjaman kenderaan dan komputer kepada pegawai dan kakitangan MDTM yang berstatus jawatan tetap dan kontrak untuk pembelian kenderaan dan komputer.

(b) Kumpulan Wang Projek Pembangunan

Kumpulan wang ini bertujuan untuk memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkenaan dana sumbangan projek pembangnan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(c) Kumpulan Wang Amanah Marris

Kumpulan wang ini bertujuan untuk memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkenaan dana bagi belanja mengnrus di bawah geran MARRIS oleh pihak Pejabat Kewangan Negeri.

(d) Kumpulan Wang Amanah Saliran

Kumpulan wang ini bertujuan untuk memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkenaan sumbangan saliran bagi setiap pemajuan kepada Kerajaan Negeri Perak.

(e) Kumpulan Wang Caj Pemajuan

Kumpulan wang ini bertujuan untuk memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkenaan caj pemajuan berdasarkan kepada Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) bagi setiap pemaju.

3.10 Penggunaan Kumpulan Wang (KW)

KW ini adalah sebagai liabiliti bukan semasa kecuali Kumpulan Wang Terkumpul, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap KW berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Penerimaan dana

Dana yang diterima akan dikredit kepada KW.

(ii) Perbelanjaan modal

Jumlah perbelanjaan yang diastkan direalisasi sebagai pendapatan.

(iii) Perbelanjaan lain

Jumlah bersamaan perbelanjaan direalisasi sebagai pendapatan.

3.11 Pengiktirafan Pendapatan

(a) Pendapatan transaksi bukan tukaran

(i) Geran Kerajaan tanpa syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.

(ii) Geran Kerajaan dengan syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

- (iii) Kawalan binaan dan perancangan, pengeluaran lesen dan denda diiktiraf mengikut asas tunai.
 - (iv) Cukai Taksiran Am, Sewaan kecuali sewa dewan, padang dan gelanggang dan peralatan diiktiraf mengikut asas akruan. Manakala Caruman Kadar Berkanun Persekutuan, Caruman Kadar Negeri dan Caruman Kadar Berkanun diiktiraf mengikut asas tunai (rujuk garis panduan perakaunan MPSAS 23).
- (b) Pendapatan transaksi tukaran
- (i) Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap mengikut asas akruan.
 - (ii) Pendapatan dari kutipan sewaan adalah diiktiraf mengikut asas akruan.
 - (iii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
 - (iv) Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

3.12 Rosotnilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami rosot nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai ("UPT"), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilaigunaan. Untuk mentafsir nilaigunaan, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Rosot nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikkan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambilkira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlunasan dan susutnilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambilkira. Nilai yang diterbalikkan ini diambilkira ke lebihan atau defisit bagi tahun semasa.

3.13 Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam lebihan atau defisit dalam tempoh perbelanjaan berkenaan digunakan.

3.14 Pajakan

- (i) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada MDTM secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke lebihan atau defisit. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana ianya ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

(ii) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana MDTM secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.10.

3.15 Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasi matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

3.16 Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan MDTM yang didedahkan di dalam satu penyata.

3.17 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana mana tempoh yang berkenaan.

(a) Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

(i) Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa rosot nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan rosot nilai. Dalam menjalankan semakan rosot nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

(ii) Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan.

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke lebihan atau defisit. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

(b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

(i) Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Nilai Atas Ekuiti

Bagi pelaburan ekuiti, rosot nilai terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

(ii) Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan rosot nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisasi bersih cagaran.

4. BAKI BANK, WANG TUNAI DAN DEPOSIT TETAP

4.1 DEPOSIT TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN

	2018	2017
	RM	RM
MAYBANK BERHAD	—	200,000
AMBANK	500,000	—
	<u>500,000</u>	<u>200,000</u>

4.2 BAKI BANK DAN WANG TUNAI DITANGAN

Maybank Berhad - Semasa	502,032	550,942
BIMB Berhad - Semasa	13,758	20,306
BIMB Berhad Kutipan	458	1,570
Bank Simpanan Nasional Berhad	2,495	1,685
Maybank Online	14,446	14,535
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	726	1,169
BIMB Projek Pembangunan	233,931	6,966
MBB Kump. Wang Pusingan	19,656	30,809
MBB - Akaun Khas Marris	475	20
MBB Akaun Rumah Rehat	7,432	16,589
MBB Akaun Slim River	1,848	228

	2018	2017
	RM	RM
CIMB Online	37,094	1,535
Public Bank Berhad	1	1
MBB Amanah Caj Kemajuan	94,597	94,597
MBB Wang Amanah Saliran	1,121	89,189
Panjar Wang Runcit	1,500	1,500
	<u>931,570</u>	<u>831,641</u>

5. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Penghutang cukai pintu	2,930,514	2,192,955
Penghutang Lain	2,852,391	2,293,686
	<u>—</u>	<u>—</u>
Hutang Ragu (cukai Taksiran Am)	—	—
Caruman Bantu Kadar Berkanun (LAP)	2,158,278	1,798,565
Caruman Bantu Kadar Berkanun UPSI	83,672	83,672
Sewaan Gerai	206,619	138,549
Sewaan Tandas Awam	520	520
Sewaan Pasar	38,607	13,685
Sewaan Perhentian Bas/Teksi	29,558	6,942
Sewaan Bangunan Penyetoran	6,564	425
Sewaan Tanah Dan Tapak	24,289	15,451
Sewaan Bangunan Pejabat	32,407	1,600
Notis E	271,877	234,277
	<u>5,782,905</u>	<u>4,486,641</u>
Tolak: Dirosotnilai (Nota 5(a)(iii))	(773,040)	(696,995)
	<u>5,009,865</u>	<u>3,789,646</u>

(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:

Belum tertunggak dan tidak dirosotnilai	1,900,468	1,694,499
1 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dirosotnilai	3,772,324	2,070,647
Lebih dari 6 tahun dan tidak dirosotnilai	110,113	721,496
	<u>1,900,468</u>	<u>1,694,499</u>
Diterakan sebagai : Aset Semasa	1,900,468	1,694,499
Aset Bukan Semasa	3,109,397	2,095,147
Dirosotnilai (Nota 5(a)(iii))	773,040	696,995
	<u>5,782,905</u>	<u>4,486,641</u>

(i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan MDTM.

(ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran batik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, MDTM yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosotnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) Penghutang yang dirosotnilai

Penghutang yang dirosotnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian rosot nilai penghutang adalah seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	696,995	17,806
Caj pada tahun kewangan semasa	124,648	679,189
Baikpulih rosot nilai	(42,942)	—
Hapuskira kerugian rosot nilai	(5,661)	—
	<u>773,040</u>	<u>696,995</u>
Pada 31 Disember	<u>773,040</u>	<u>696,995</u>

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dirosotnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, MDTM menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

6. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2018	2017
	RM	RM
Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)	92,511	154,575
Sewaan Bangunan Perniagaan	29,306	20,800
Sewaan Bangunan Perniagaan Lain	4,700	4,983
	<u>126,517</u>	<u>180,358</u>
Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai	—	—
	<u>126,517</u>	<u>180,358</u>
Diterakan sebagai:		
Aset semasa	102,017	154,575
Aset bukan semasa	24,500	25,783
	<u>126,517</u>	<u>180,358</u>

(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:

Belum tertunggak dan tidak dirosotnilai	102,017	154,575
1 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dirosotnilai	—	—
Lebih dari 6 tahun dan tidak dirosotnilai	24,500	25,783
	<u>126,517</u>	<u>180,358</u>

(i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan MDTM.

(ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, MDTM yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosotnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) Penghutang yang dirosotnilai

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dirosotnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, MDTM menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

(b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak MDTM bertindak sebagai pemberi pajak.

(c) Peudahuluan Pinjaman

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	85,435	68,707
Hapuskira kerugian rosot nilai	—	—
Pada 31 Disember	85,435	68,707
Diterakan sebagai:		
Aset semasa	37,937	27,914
Aset bukan semasa	47,498	40,793
	85,435	68,707

7. INVENTORI

Inventori dinyatakan pada kos. Amaun inventori diiktiraf apabila ianya bernilai RM1,000,000 dan keatas. Manakala perbelanjaan semasa diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan semasa.

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

8.1 Tahun 2018

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Kelengkapan Pejabat	Keperluan Menggunakan Elektrik	Loji Dan Mesin	Gerai Permiaagan	Peralatan	Jumlah Besar
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Awal									
1-1-2018	210,000	29,707,042	4,181,120	1,707,993	2,494,028	556,400	2,866,604	123,590	41,846,777
Tambahan Pelarasan Pelupusan	—	5,173,550	114,805 (15,045)	— (173,756)	484,472 (2,358)	—	1,234,065	—	7,006,892 (191,159)
Baki Akhir 31-12-2018	210,000	34,880,592	4,280,880	1,534,237	2,976,142	556,400	4,100,669	123,590	48,662,510
Susutnilai Berkumpul									
Baki Awal 1-1-2018	42,424	7,779,052	3,530,918	1,261,302	2,119,031	409,220	1,590,405	108,477	16,840,829
Tambahan Pelarasan Pelupusan	2,121	674,864	333,664 (15,043)	135,221 (173,756)	190,935	43,238	193,822	7,159	1,581,024 (188,799)
Baki Akhir 31-12-2018	44,545	8,453,916	3,849,539	1,222,767	2,309,966	452,458	1,784,227	115,636	18,233,054
Nilai Buku Bersih 31-12-2018	165,455	26,426,676	431,341	311,470	666,176	103,942	2,316,442	7,954	30,429,456

8.1 Tahun 2017

Baki Awal 1-1-2017	210,000	28,257,042	4,025,977	1,772,027	2,336,271	660,232	2,566,604	216,673	40,044,826
Tambahan	—	1,450,000	142,439	5,972	330,847	—	300,000	—	2,229,258
Pelarasan	—	—	202,500	—	—	—	—	—	202,500
Pelupusan	—	—	(189,796)	(70,006)	(173,090)	(103,832)	—	(93,083)	(629,807)
Baki Akhir 31-12-2017	210,000	29,707,042	4,181,120	1,707,993	2,494,028	556,400	2,866,604	123,590	41,846,777

Susutnilai Berkumpul

Baki Awal 1-1-2017	40,301	7,210,652	3,393,254	1,192,208	2,180,524	466,150	1,473,286	181,289	16,137,664
Tambahan	2,121	568,400	327,454	135,221	109,775	44,348	117,119	7,159	1,311,597
Pelarasan	—	—	2	(1)	2	1	—	—	6
Pelupusan	—	—	(189,792)	(66,126)	(171,270)	(101,279)	—	(79,971)	(608,438)
Baki Akhir 31-12-2017	42,424	7,779,052	3,530,918	1,261,302	2,119,031	409,220	1,590,405	108,477	16,840,829
Nilai Buku Bersih 31-12-2017	167,576	21,927,990	650,202	446,691	374,997	147,180	1,276,199	15,113	25,005,948

8.2 Kerja Dalam Pelaksanaan Tahun 2018

	Unit/ tahun	Kos Projek	Baki pada 1-1-2018	Pelarasan Dalam Tahun	Tambahan Dalam Tahun	Baki pada 31-12-2018	Nilai buku bersih 31-12-2018
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
Cadangan Meroboh dan Membina Semula Pasar Buah, Kedai Runcit dan Gerai Makan Di Tanjong Malim	2014/1	4,795,323	4,673,550	(4,673,550)	—	—	—
		4,795,323	4,673,550	(4,673,550)	—	—	—

Hartanah-hartanah berikut adalah di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri:

Bil.	Jenis Bangunan	Nilai Bangunan RM	Pembiayaan RM	Pinjaman Kerajaan Negeri RM
1.	Bangunan Pejabat MDTM	7,446,929	4,446,929	3,000,000
2.	Rumah Kediaman YDP	1,000,000	—	1,000,000
3.	Pasar Buah/Kedai Runcit	4,795,323	3,795,323	1,000,000
		<u>13,242,252</u>	<u>8,242,252</u>	<u>5,000,000</u>

9. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR DAN CAGARAN YANG DITERIMA

	2018 RM	2017 RM
Pemiutang pelbagai Cagaran Yang Diterima	1,505,375 3,899,543	1,660,187 3,697,733
	<u>5,404,918</u>	<u>5,357,920</u>

10. TERIMAAN TERDAHULU

Penerimaan terdahulu merujuk kepada penerimaan hasil yang diterima dahulu.

	2018 RM	2017 RM
Penghutang cukai pintu	91,091	78,074
Sewaan Gerai	3,275	4,780
Sewaan Pasar	2,512	1,408
Sewaan Perhentian Bas/Teksi	100	100
Sewaan Bangunan Perniagaan	4	—
Sewaan Bangunan Perniagaan lain	200	200
Sewa Bangunan Pejabat	696	4,585
Kumpulan Wang Pusingan	67	67
	<u>97,945</u>	<u>89,214</u>

11. PINJAMAN

Pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia/
Kerajaan Negeri

Pinjaman I	—	375,645
Pinjaman II	252,523	495,334
Pinjaman III	944,490	983,843
	<u>1,197,013</u>	<u>1,854,822</u>
Dibayar dalam setahun	389,171	657,809
Dibayar antara 1 hingga 5 tahun	807,842	1,197,013
	<u>1,197,013</u>	<u>1,854,822</u>

	2018 RM	2017 RM
Diterakan sebagai:		
Liabiliti semasa	389,171	657,809
Liabiliti bukan semasa	807,842	1,197,013
	<u>1,197,013</u>	<u>1,854,822</u>

Pinjaman I

Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman sebanyak RM3,000,000.00 untuk membayar pembinaan Pejabat Baru MDTM di Behrang 2020 pada tahun 2007. Tempoh pinjaman adalah 12 tahun. Tempoh bayaran balik adalah 10 tahun. Tempoh pertanggunghan adalah selama 2 tahun. Pembayaran bagi pinjaman bermula 14-11-2009 melalui 10 kali ansuran. Faedah 4% dikenakan ke atas pinjaman ini. Faedah untuk 2 tahun pertanggunghan adalah RM168,690.40 diambilkira dalam pinjaman.

Pinjaman II

Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman sebanyak RM1,000,000.00 untuk membayar pembinaan semula Pasar di Tanjong Malim pada tahun 2016. Tempoh pinjaman adalah 5 tahun. Tempoh bayaran balik adalah 4 tahun. Tempoh pertanggunghan adalah selama 1 tahun. Pembayaran bagi pinjaman bermula 16-12-2017 melalui 4 kali ansuran. Faedah 2% dikenakan ke atas pinjaman ini.

Pinjaman III

Kerajaan Negeri telah memberi pinjaman sebanyak RM1,000,000.00 untuk pembelian rumah kediaman Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim di Tanjong Malim pada tahun 2017. Tempoh pinjaman adalah 7 tahun. Tempoh bayaran balik adalah 5 tahun. Tempoh pertanggunghan adalah selama 2 tahun. Pembayaran bagi pinjaman bermula 8-12-2019 melalui 5 kali ansuran. Faedah 2% dikenakan ke atas pinjaman ini.

12. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2018 RM	2017 RM
Pada awal tahun	522,124	445,275
Peruntukan tahun semasa	360,690	139,319
Pembayaran tahun semasa	(36,425)	(62,470)
Pada akhir tahun	<u>846,389</u>	<u>522,124</u>
Diterakan sebagai:		
Liabiliti semasa	254,036	1,299
Liabiliti bukan semasa	592,353	520,825
	<u>846,389</u>	<u>522,124</u>

13. KUMPULAN WANG

Kumpulan wang terdiri daripada berikut:

Kumpulan Wang Projek Pembangunan	1,452,624	1,380,235
Kumpulan Wang Amanah Marris	454	—
Kumpulan Wang Amanah Saliran	904,221	623,513
Kumpulan Wang Caj Pemajuan	502,818	151,397
	<u>2,860,117</u>	<u>2,155,145</u>

14. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

14.1 Kategori instrumen kewangan

	Pinjaman dan belum terima	Nilai saksama melalui lebih atau defisit	Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Jumlah
2018	RM	RM	RM	RM
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	—	931,570	—	931,570
Deposit tetap di institusi kewangan	—	500,000	—	500,000
Urusniaga pertukaran belum terima	126,517	—	—	126,517
Aset kewangan	—	773,040	—	773,040
	<u>126,517</u>	<u>2,204,610</u>	<u>—</u>	<u>2,331,127</u>
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	—	—	1,505,375	1,505,375
Pinjaman	—	—	1,197,013	1,197,013
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>2,702,388</u>	<u>2,702,388</u>
2017				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	—	831,641	—	831,641
Deposit tetap di institusi kewangan	—	200,000	—	200,000
Urusniaga pertukaran belum terima	180,358	—	—	180,358
Aset kewangan	—	696,995	—	696,995
	<u>180,358</u>	<u>1,728,636</u>	<u>—</u>	<u>1,908,994</u>
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	—	—	1,660,187	1,660,187
Pinjaman	—	—	1,854,822	1,854,822
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>3,515,009</u>	<u>3,515,009</u>

14.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

MDTM terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan MDTM adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

(a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkiri obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

(i) Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang hartanah. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya MDTM tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

(ii) Pendedahan kepada risiko kredit

MDTM tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

(iii) Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran majoritinya timbul daripada fungsi berkanun MDTM.

Pendedahan kepada risiko kredit

MDTM tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang cukai taksiran kerana terdapat bilangan pembayar cukai yang besar. Pendedahan kepada risiko kredit adalah tidak ketara kerana MDTM mempunyai hak berkanun untuk memungut cukai taksiran belum bayar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Pinjaman kepada Kakitangan

MDTM memberi pinjaman kenderaan, komputer, pelajaran dan rawatan hospital yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan MDTM memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan MDTM kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif MDTM adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan MDTM pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah atas seperti berikut:

	Amaun bawaan	Aliran tunai berkontrak	Dalam 1 tahun	1 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun
2018	RM	RM	RM	RM	RM
Urusniaga pertukaran belum bayar	1,505,375	1,505,375	1,505,375	—	—
Pinjaman	1,197,013	1,197,013	389,171	807,842	—
	<u>2,702,388</u>	<u>2,702,388</u>	<u>1,894,546</u>	<u>807,842</u>	<u>—</u>
2017					
Urusniaga pertukaran belum bayar	1,660,187	1,660,187	1,660,187	—	—
Pinjaman	1,854,822	1,854,822	657,809	1,197,013	—
	<u>3,515,009</u>	<u>3,515,009</u>	<u>2,317,996</u>	<u>1,197,013</u>	<u>—</u>

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi MDTM akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

MDTM terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

MDTM juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi pinjaman kadar tetap yang mendedahkan MDTM kepada risiko perubahan nilai saksama.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

MDTM tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebih atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebih atau defisit.

14.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti MDTM yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Nilai saksama aset kewangan sedia dijual yang diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan berdasarkan rujukan kepada harga pasaran disiarharga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Ianya tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dalam saham tak tersiar harga kerana kekurangan harga disiarkan yang boleh dibandingkan dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan yang lain, beserta amaun bawaan diterakan di dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2018		2017	
	Amaun bawaan	Nilai saksama	Amaun bawaan	Nilai saksama
	RM	RM	RM	RM
Pinjaman Kakitangan	85,435	87,379	72,700	68,756
Pinjaman Majlis	1,197,013	1,509,900	1,854,822	2,133,021

Nilai saksama di atas yang ditentukan untuk tujuan pendedahan, adalah dikira berdasarkan nilai kini aliran tunai pokok dan faedah masa hadapan, didiskaunkan pada kadar faedah pasaran pada akhir tarikh pelaporan. Kadar faedah ditentukan dengan merujuk kepada pengaturan pinjaman yang sama.

Nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 2.

Hierarki nilai saksama

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1: Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2: Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.

Tahap 3: Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Nilai saksama di atas yang ditentukan untuk tujuan pendedahan, adalah dikira berdasarkan nilai kini aliran tunai pokok dan faedah masa hadapan, didiskaunkan pada kadar faedah pasaran pada akhir tarikh pelaporan. Kadar faedah ditentukan dengan merujuk kepada pengaturan pinjaman yang sama.

Nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 2.

Hierarki nilai saksama

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1: Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2: Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.

Tahap 3: Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Semua aset dan liabiliti diukur pada nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 1.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2017: Tiada pindahan)

15. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal MDTM, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebihan terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

MDTM menguruskan modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

MDTM sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan MDTM untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada MDTM sekiranya MDTM mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana MDTM dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti MDTM sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada MDTM. Kakitangan pengurusan utama termasuk Yang Dipertua, MDTM, dan Ahli-Ahli Majlis yang merupakan pengurusan tertinggi MDTM.

16.1 Transaksi pihak berkaitan

Semua urusan niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh MDTM pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunapakai dalam urusan niaga tulus untuk keadaan yang sama.

16.2 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi

Jumlah gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi pada tahun semasa adalah sebanyak RM171,900.00 (2017: RM284,306.40).

17. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti luar jangka hanya diiktiraf jika terdapat tindakan undang-undang daripada pihak luar. Keputusan atas kes-kes mahkamah yang masih belum diketahui tidak akan didedahkan sehingga keputusan dikeluarkan dan kesan kewangan ke atas akaun dapat ditentukan dengan pasti.

18. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS

18.1 Kesan Pemakaian MPSAS

Penyata kewangan ini disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS iaitu bermula tahun peralihan pemakaian piawaian MPSAS iaitu 2016. Oleh itu, kesan pemakaian MPSAS ditunjukkan daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang diperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai di bawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Peruntukan Manfaat Kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan MDTM mempunyai obligasi untuk membayar Ganti Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka MDTM telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini. Selain itu, MDTM juga telah membuat peruntukan sebanyak RM248,564.96 untuk pembayaran bantuan khas kewangan kepada kakitangan MDTM pada bulan Mei 2019.

(iii) Elaun Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini (pemakaian PERS), salah satu dasar perakaunan MDTM berhubung elau hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 2% daripada jumlah tunggakan yang melebihi 6 tahun. Pemakaian MPSAS menghendaki elau hutang ragu ini dibuat secara khas iaitu bukan berdasarkan kepada pertimbangan. Oleh itu semua kesan berhubung elau hutang ragu ini telah dibuat secara prospektif.

(iv) Pengiktirafan Faedah ke atas Pinjaman Kepada Kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, MDTM mengiktiraf semua faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman kakitangan pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, hasil daripada urusniaga pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. MDTM telah mengambil kira perubahan dasar perakaunan tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

(v) Pemansuhan Pendapatan Tertangguh

Rangka kerja Penyata Kewangan terdahulu mengiktiraf mana-mana Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Negeri diambil kira sebagai pendapatan tertangguh mengikut kadar jangka hayat aset berkenaan. MPSAS 9 menyatakan sebarang pemberian daripada Urusniaga Bukan Pertukaran perlu dilunaskan pada hasil yang akan memberi kesan kepada Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa ianya diiktiraf. Justeru, pelarasan secara retrospektif pada tarikh peralihan dilakukan bagi amaun bawaan Pemberian Kerajaan Dipermodakan daripada ekuiti, dilunaskan pada hasil. Penyata kewangan ini juga mengambil kira pelarasan bagi Kumpulan Wang Pembangunan (RM1,848,893) dengan mengiktirafnya sebagai hasil berdasarkan keperluan peruntukan para 44, MPSAS 23.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

MDTM memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya yang tidak dipermodakan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodakan. MDTM telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerimapakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan MDTM masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

MDTM telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

(ii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahtiraf

MDTM tidak akan mengikraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahtiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahtiraf di bawah MPERS, maka MDTM memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(iii) Anggaran Perakaunan

Sebelum ini, MDTM menggunakan pertimbangan untuk menentukan elauan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila MDTM menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip, manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

19. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERALIHAN KEPADA MPSAS

	2018 MPSAS RM	2017 MPSAS RM
ASET SEMASA		
Baki bank dan wang tunai (Nota 4)	931,570	831,641
Deposit tetap di institusi kewangan (Nota 4)	500,000	200,000
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 5)	1,900,468	1,694,499
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 6)	102,017	154,575
Pendahuluan Pinjaman (Nota 6)	37,937	27,914
JUMLAH ASET SEMASA	3,471,992	2,908,629
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8)	30,429,456	25,005,948
Kerja dalam proses (Nota 8)	—	4,673,550
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 5)	3,109,397	2,095,147
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 6)	24,500	25,783
Pendahuluan Pinjaman (Nota 6)	47,498	40,793
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA	33,610,851	31,841,221
JUMLAH ASET	37,082,843	34,749,850
LIABILITI SEMASA		
Urusniaga pertukaran belum bayar (Nota 9)	1,505,375	1,660,187
Cagaran Yang Diterima (Nota 9)	3,899,543	3,697,733
Terimaan Terdahulu (Nota 10)	97,945	89,214
Pinjaman (pinjaman Jangka Pendek) (Nota 11)	389,171	657,809
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 12)	254,036	1,299
JUMLAH LIABILITI SEMASA	6,146,070	6,106,242
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Kumpulan wang (Nota 13)	2,860,117	2,155,145
Pinjaman (pinjaman Jangka Panjang) (Nota 11)	807,842	1,197,013
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 12)	592,353	520,825
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA	4,260,312	3,872,983
JUMLAH LIABILITI	10,406,382	9,979,225
ASET BERSIH	26,676,461	24,770,625

	2018 MPSAS RM	2017 MPSAS RM
EKUITI/ASET BERSIH Lebih terkumpul (Kumpulan Wang/Ekuiti)	26,676,461	24,770,625
ASET BERSIH	26,676,461	24,770,625

20. PENYATA PRESTASI KEWANGAN PERALIHAN KEPADA MPSAS

20.1 PENYATA HASIL

20.1.1 HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2018 MPSAS RM	2017 MPSAS RM
Cukai taksiran	8,786,872	8,601,359
Caruman Bantu Kadar	976,624	979,624
Bantuan daripada kerajaan	1,945,838	1,875,206
Geran projek pembangunan direalisasi	6,415,674	1,062,851
Sewaan lain	812,151	674,846
Denda	220,258	217,345
Lesen	1,685,223	1,155,101
	20,842,640	14,566,332

20.1.2 HASIL DARIPADA URUSNIAGA
PERTUKARAN

Perkhidmatan	934,208	1,104,977
Faedah daripada pelaburan	257,158	37,170
Keuntungan dari pelupusan aset/Jualan	40,737	300,621
Sewa Bangunan Perniagaan	78,586	69,720
Lain-lain hasil	125,315	51,192
Hutang Ragu Baik Pulih	42,942	—
	1,478,946	1,563,680
JUMLAH HASIL	22,321,586	16,130,012

20.2 PENYATA HASIL

20.2.1 BELANJA MENGURUS

Emolumen	6,559,901	6,719,542
Elaun lebih masa	471,210	569,945
Perkhidmatan dan bekalan	7,273,774	7,688,603
Aset kecil (Inventori)	52,056	7,075
Pemberian dan kenaaan tetap	150,622	183,359
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	1,581,024	1,311,597
Peruntukan kerugian rosot nilai penghutang	124,648	679,189
Perbelanjaan lain	224,626	205,415
JUMLAH PERBELANJAAN	16,437,861	17,364,725
LEBIHAN TAHUN SEMASA	5,883,725	(1,234,713)

No. 1186.LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Perak Tengah telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Perak Tengah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Daerah Perak Tengah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab

terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Perak Tengah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Perak Tengah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Perak

Tengah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Perak Tengah memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Perak Tengah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

IPOH
Bertarikh 23 Ogos 2019

JEFERI BIN DARHMAN
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH, PERAK

Saya, Ayub Shadan bin Abdul Rani, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Perak Tengah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahah Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Seri Iskandar pada 16 Ogos 2019

AYUB SHADAN BIN ABDUL RANI
*Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah*

Di hadapan saya,

AHMAD FITRI BIN MUHASSHIM
*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH, PERAK

Kami, Rapai Kasini bin Hj. Bahari dan Baharurazi bin Ahamad yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Perak Tengah dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis Rapai Kasini bin Hj. Bahari <i>Ahli Majlis</i> <i>Majlis Daerah Perak Tengah</i> Bertarikh 16 Ogos 2019	Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis Baharurazi bin Ahamad <i>Ahli Majlis</i> <i>Majlis Daerah Perak Tengah</i> Bertarikh 16 Ogos 2019
--	--

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
ASET SEMASA		
Tunai dan Kesetaraan Tunai (Nota 3)	13,296,256	12,803,066
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 4)	3,883,174	4,229,872
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 5)	779,547	1,463,639
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit (Nota 6)	308,819	259,935
Inventori (Nota 7)	3,443,711	3,507,794
Aset Dalam Pembinaan (Nota 8)	240,000	—
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Aset Semasa	21,951,507	22,264,306
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 9)	30,737,243	20,782,507
Hartanah Pelaburan (Nota 10)	—	10,391,151
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Aset Bukan Semasa	30,737,243	31,173,658
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH ASET	52,688,750	53,437,964
	<hr/>	<hr/>
LIABILITI SEMASA		
Akaun Belum Bayar (Nota 11)	970,691	1,234,911
Terimaan Terdahulu (Nota 12)	199,053	90,789
Deposit (Nota 13)	653,054	754,177
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 14)	325,843	317,504
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 15)	7,360	40,637
Geran Tertunda (Nota 16)	622,110	731,587
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH LIABILITI SEMASA	2,778,111	3,169,605

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1192

[16hb Julai 2020]

	2018	2017
	RM	RM
LIABILITI BUKAN SEMASA		
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 14)	5,432,923	5,758,766
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 15)	222,320	274,933
	5,655,243	6,033,699
JUMLAH LIABILITI	8,433,354	9,203,304
ASET BERSIH		
ASET BERSIH		
Kumpulan Wang Terkumpul (Nota 17)	44,155,396	44,134,660
Kumpulan Wang Majlis (Nota 18)	100,000	100,000
	44,255,396	44,234,660
ASET BERSIH	44,255,396	44,234,660

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
HASIL		
Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 19)	11,416,234	10,560,525
Urus Niaga Pertukaran (Nota 20)	1,599,610	1,494,820
	13,015,844	12,055,345
JUMLAH HASIL	13,015,844	12,055,345
PERBELANJAAN EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	2,563,961	2,585,396
Elaun Tetap	709,204	695,402
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	444,454	450,036
Elaun Lebih Masa	99,972	108,140
Faedah Kewangan yang Lain	16,028	17,216
Bayaran Imbuhan Tahunan & Bantuan Kewangan	235,921	284,496
Elaun Ahli Majlis (Nota 33)	129,792	142,080
	4,199,332	4,282,766
Jumlah Emolument	4,199,332	4,282,766
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (Nota 21)	96,906	83,745
Pengangkutan Barang-Barang (Nota 22)	1,497	—
Perhubungan dan Utiliti (Nota 23)	1,384,036	1,334,484
Sewaan (Nota 24)	163,004	128,101
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain (Nota 25)	220,851	116,168
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan (Nota 26)	121,239	141,091
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil (Nota 27)	971,258	228,530
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti (Nota 28)	3,038,886	2,687,797
	5,997,677	4,719,916
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	5,997,677	4,719,916

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

16hb Julai 2020]

1193

	2018	2017
	RM	RM
HARTA MODAL		
Harta Modal Yang Lain (Nota 29)	5,397	21,936
Aset Hidup (Nota 30)	39,395	44,456
	44,792	66,392
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian dalam Negeri (Nota 31)	64,990	74,990
Faedah atas Pinjaman Kerajaan Negeri	204,529	212,547
Ganjaran	2,993	6,333
Gantian Cuti Rehat	65,330	35,991
	337,842	329,861
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN		
Pelbagai Perbelanjaan (Nota 32)	146,039	108,523
Bayaran Balik dan Hapuskira (Nota 33)	933,081	2,025,934
Hutang Ragu	168,517	331,313
Susut nilai dan Pelupusan	1,296,963	1,270,750
	2,544,600	3,736,520
JUMLAH PERBELANJAAN	13,124,243	13,135,455
KURANGAN BAGI TAHUN	(108,399)	(1,080,110)

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	KUMPULAN WANG MAJLIS	JUMLAH ASET BERSIH
	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2017	45,215,110	100,000	45,315,110
Pelarasan Tahun Lalu	(340)	—	(340)
Kurangan Pendapatan bagi Tahun	(1,080,110)	—	(1,080,110)
	44,134,660	100,000	44,234,660
Baki Pada 31 Disember 2017	44,134,660	100,000	44,234,660
Pelarasan Tahun Lalu	129,135	—	129,135
Kurangan Pendapatan bagi Tahun	(108,399)	—	(108,399)
	44,155,396	100,000	44,255,396
Baki Pada 31 Disember 2018	44,155,396	100,000	44,255,396

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan	(108,399)	(1,080,110)
Pelarasan untuk perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:		
Pelarasan tahun lepas	367,527	(340)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	1,324,427	868,765
Pelunasan harta pelaburan	—	401,985
Hapuskira	649,704	68,554
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	293	1,957,333
Faedah atas pinjaman	204,529	212,547
Faedah dan perolehan dari pelaburan	(264,992)	(237,059)
Aset Dalam Pembinaan	(240,000)	—
Peruntukan Manfaat Kakitangan	(85,890)	24,517
Peruntukan Hutang Ragu	849,015	741,099
	<hr/>	<hr/>
Lebih pendapatan atas perbelanjaan sebelum perubahan modal kerja	2,696,214	2,957,291
Pertambahan/(Pengurangan) dalam akaun belum terima	(518,713)	6,362,674
Pengurangan dalam pendahuluan pinjaman	1,900	10,616
(Pengurangan)/Pertambahan dalam akaun belum bayar	(264,220)	28,266
(Pengurangan)/Pertambahan dalam geran tertunda	(109,477)	314,911
Pertambahan dalam terimaan terdahulu	108,264	1,506
Pengurangan dalam cagaran di terima	(101,123)	(140,962)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi	1,812,845	9,534,302
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(1,126,697)	(960,844)
Pembelian harta pelaburan	—	(183,480)
Pengurangan Inventori	64,083	248,230
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(1,062,614)	(896,094)
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pembayaran dalam pinjaman	(317,504)	(309,485)
Faedah dibayar	(204,529)	(212,547)
Faedah diterima	264,992	237,059
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan	(257,041)	(284,973)
	<hr/>	<hr/>
Pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	493,190	8,353,235
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	12,803,066	4,449,831
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	13,296,256	12,803,066
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:		
Simpanan Tetap	9,725,000	6,600,000
Wang dibank dan ditangan	3,571,256	6,203,066
	<hr/>	<hr/>
	13,296,256	12,803,066
	<hr/>	<hr/>

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR	^VARIAN BAJET
	ASAL	AKHIR		
	RM	RM	RM	RM
PENERIMAAN				
Urus Niaga Bukan Pertukaran	10,018,638	10,018,638	9,398,450	620,188
Urus Niaga Pertukaran	1,833,327	1,833,327	1,654,365	178,962
Jumlah Penerimaan	11,851,965	11,851,965	11,052,815	799,150
PEMBAYARAN				
Emolumen	4,657,560	4,657,560	4,171,513	486,047
Perkhidmatan dan Bekalan	6,003,675	6,043,675	5,291,217	752,458
Pemilikan Harta Modal	115,230	700,230	208,861	491,369
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	901,063	901,063	638,986	262,077
Perbelanjaan Lain-Lain	173,030	173,030	98,782	74,248
Jumlah Pembayaran	11,850,558	12,475,558	10,409,359	2,066,199
PENERIMAAN BERSIH	1,407	(623,593)	643,456	(1,267,049)

^Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial kawasan Majlis Daerah Perak Tengah.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh pada 16 Ogos 2019.

2. DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1.1 Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain dari dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

- 2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan kedua yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan seperti yang dinyatakan pada nota 2.22 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini, Penyata Kewangan disediakan berdasarkan konvensyen Kos Sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada Penyata Kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Penuh, Majlis Daerah Perak Tengah.
- 2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan. Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.21 kepada Penyata Kewangan.

2.2 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERTUKARAN

2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti yang berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa. Bil cukai semasa dikeluarkan pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan. Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(vi) Pelbagai Hasil

Pelbagai hasil adalah hasil selain daripada nota 2.2.1 (i) hingga (v) di atas.

2.2.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah Simpanan Tetap dan Pinjaman

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 BELANJA

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku/dikenakan.

2.4 INVENTORI

Inventori merangkumi tanah yang dipegang oleh Majlis untuk dijual yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kosnya diukur mengikut nilai saksamanya pada tarikh perolehan.

2.5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2.5.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 bagi setiap satu berkuat kuasa mulai 1 Mei 2015.

2.5.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai atau rosot nilai terkumpul. Kos yang diiktiraf adalah semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam kaedah yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.3 Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini seterusnya akan dikreditkan pada Penyata Prestasi Kewangan sebagai hasil melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf sebagai liabiliti semasa pada Penyata Kedudukan Kewangan.

2.5.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan dan pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset dimana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 SUSUT NILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2.6.1 Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susut nilai bagi sesuatu aset adalah berdasarkan jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

2.6.2 Pengiktirafan susut nilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambil kira peruntukan jumlah untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

2.6.3 Tiada peruntukan susut nilai dibuat ke atas tanah milik bebas.

2.6.4 Tiada peruntukan susut nilai dibuat ke atas aset yang dilupuskan pada tahun pelaporan.

2.6.5 Kadar-kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Gerai	5%
Kenderaan	20%
Peralatan	25%
Perabut & Kelengkapan Pejabat	10%

- 2.6.6 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak boleh guna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilaikan akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.7 HARTANAH PELABURAN

- 2.7.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.7.2 Majlis tidak mengiktiraf aset hartanah yang dipegang untuk perkhidmatan sosial seperti Tanah Kosong, Tandas Awam, Bangunan Pasar Awam, Dewan Serbaguna dan lain-lain gerai berstruktur tidak kekal sebagai Hartanah Pelaburan kerana aset berkenaan bukan bertujuan untuk peningkatan modal dan hasil sewaan yang diterima adalah pendapatan sampingan kepada tujuan hartanah.
- 2.7.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak boleh guna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilaikan akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.
- 2.7.4 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.
- 2.7.5 Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Caj susut nilai akan diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.7.6 Untung atau rugi daripada pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.7.7 Pada tahun kewangan semasa, Majlis telah membuat pengkelasan semula kos dan pelunasan/susut nilai terkumpul bagi hartanah pelaburan kepada hartanah, loji dan peralatan kerana semua aset tersebut tidak memenuhi kriteria MPSAS 16 Hartanah Pelaburan.

2.8 ASET HIDUP TUMBUHAN

- 2.8.1 Aset hidup tumbuhan bermaksud apa-apa jenis tumbuhan atau apa-apa bahagian yang terhasil daripadanya termasuklah batang, dahan, ubi, bebawang, pokok penanti, kayu mata tunas, keratan tunas, akar, daun, bunga, buah, biji atau apa-apa bahagian atau keluaran lain dari sesuatu tumbuhan itu sama ada terputus atau bercantum.
- 2.8.2 Tumbuhan yang diiktiraf sebagai Aset Hidup merupakan tanaman kekal di mana jangka hayat ekonomik tumbuhan berkenaan dapat dianggarkan jangka hayat melebihi 3 tahun menurut pekeliling IPP AM 5.1.
- 2.8.3 Majlis mengiktiraf Aset Hidup Tumbuhan di dalam Penyata Kewangan pada nilai kos yang melebihi RM2,000 bagi setiap satu. Manakala perolehan tumbuhan yang di bawah pada nilai ambang akan diiktiraf sebagai belanja tahun semasa di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9 ASET DALAM PEMBINAAN

Aset dalam pembinaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan. Kos bagi pembinaan ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan disusutnilaikan.

2.10 ASET KEWANGAN

- 2.10.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.10.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam pengeluaran aset kewangan.
- 2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai yang saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.10.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh dimana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.10.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

- (i) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (a) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
- (b) Pembayaran tertunggak
- (c) Kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis atau
